

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"KITA mesti konsisten mara ke hadapan, bukan berundur ke belakang. Inilah namanya kita membangun dengan semangat juang".  
- Titah Sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2019.



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK  
4.52 5.02 6.19 6.41 12.25 3.25 6.29 7.38

TAHUN 65 / BILANGAN 40

1 APRIL 2020 / 1441 شعبان 7

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI RABU / PERCUMA

## COVID-19 : Dua kes baharu disahkan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Muhammad Asri  
Haji Awang Abas

BERAKAS, Selasa, 31 Mac. - Dua kes baharu disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini sekali gus membawa jumlah keseluruhan kes kepada 129 orang.

Kes 128 berumur 36 tahun adalah isteri kepada Kes 111. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan keluar negara dan mula mengalami sakit kepala dan selesrama pada 27 Mac 2020.

Manakala Kes 129 berumur 25 tahun, telah pulang dari Phuket, Thailand pada 20 Mac 2020 dengan menaiki pesawat BI520 (tempat duduk 33H) dan mula mengalami demam panas pada 30 Mac 2020.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Ke muka 3

## STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 31 MAC 2020, 5:00 petang

JUMLAH KES JANGKITAN

129

JUMLAH KEMATIAN

1


JUMLAH KES YANG SEMBUH

45

## TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148

Waktu operasi 24 jam setiap hari



## Penutupan sementara dilanjutkan hingga 6 April

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin memaklumkan bahawa Majlis Ugama Islam Brunei bersidang pada Sabtu, 3 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 28 Mac 2020 Masihi untuk menilai perkembangan penularan

jangkitan wabak COVID-19 di negara ini bagi membuat keputusan sama ada untuk membuka atau melanjutkan lagi penutupan sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.

Ke muka 5

## Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan dirasmikan

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Mac. - Bangunan tambahan Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan di Kampung Sumbiling, Bandar Seri Begawan, berfungsi sebagai Unit Molekular Diagnostik bagi jangkitan virus

respiratori dan akan dikhususkan bagi ujian penganalisaan pandemik COVID-19.

Dengan adanya bangunan baru ini, kesemua ujian molekular pandemik COVID-19 akan dipindahkan ke makmal baru tersebut bagi membolehkan peningkatan kapasiti ujian.

Ke muka 6

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"ADAKAH manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarakan dengan hanya berkata : "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)"?  
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 2).

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam  
 infodept.bn infodept\_bn

## Berita Utama



AMBD sentiasa pantau perkembangan situasi perbankan negara

Muka 5



PELBAGAI pihak tampil hulur sumbangan kepada Kementerian Kesihatan  
Muka 7



APA Kata Mufti Mengenai COVID-19?  
Muka 10



LEBIH enam dekad Jabatan Penerangan membarigakan maklumat  
Muka 22

# Komited laksana Agenda Pembangunan Berdaya Tahan 2030

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan selamat pagi  
kepada semua yang hadir.

**S**AYA amat berbesar hati berada di sini pagi ini dan berpeluang menyampaikan ucaptama Bengkel Kajian Semula Nasional Secara Sukarela (Voluntary National Review - VNR) untuk Negara Brunei Darussalam.

Sejak penubuhannya pada 2015, Agenda Pembangunan Berdaya Tahan 2030 atau '2030 Agenda for Sustainable Development' mendorong usaha kolektif kita ke arah mencapai masa depan yang lebih baik dan mampan untuk semua. Agenda yang membayangkan sebuah dunia di mana semua kehidupan boleh makmur kerana tidak ada kemiskinan; adanya akses pendidikan berkualiti untuk semua, penjagaan kesihatan dan makanan berkhasiat; dan di mana pertumbuhan ekonominya berdaya tahan, mampan dan tidak menimbulkan bahaya kepada dunia ini.

Dalam lima tahun, saya gembira mengetahui bahawa *trend* positif dapat dilihat dan kemajuan telah dibuat.

Menurut Laporan Kemajuan SDG 2019 oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama Antonio Guterres, bahagian penduduk yang tinggal dalam kemiskinan yang melampau menurun dari 16 peratus pada 2010 kepada 8.6 peratus pada 2018. Kadar kematian ibu dan anak juga berkurang di seluruh dunia. Ramai yang mampu menikmati kemudahan elektrik dan penduduk bandar yang tinggal di kawasan setinggan telah menurun.

Walau bagaimanapun, terdapat bidang lain yang memerlukan lebih banyak perhatian daripada masyarakat global. Contohnya perubahan cuaca, satu isu penting yang membawa kesan yang serius kepada kita semua. Faktor-faktor seperti kemerosotan alam semula jadi global, pengurangan pengasidan laut dan suhu yang semakin meningkat mempunyai kesan buruk seperti yang dapat kita lihat dari peristiwa baru-baru ini di bahagian-bahagian tertentu di dunia.

Sebagai tambahan, keupayaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar kini berhadapan ancaman bencana alam dan konflik keganasan di seluruh dunia. Di mana kadar kemiskinan yang melampau jatuh semakin perlakan. Pada kadar yang ada pada masa kini, dunia belum menepati sasaran untuk menamatkan kemiskinan menjelang 2030. Dalam hal pendidikan, yang merupakan kunci kepada mobiliti sosial dan jalan keluar dari kemiskinan, berjuta-juta kanak-kanak masih tidak bersekolah.

Oleh itu, tema yang diguna pakai untuk Forum Politik Peringkat Tinggi tahun ini adalah 'Accelerated action and transformative pathways : Realising the



**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berucap pada Bengkel Kajian Semula Nasional Secara Sukarela (Voluntary National Review - VNR) pada 12 Jamadilawal 1441 Hijrah bersamaan 8 Januari 2020 Masihi di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan

decade of action and delivery for sustainable development' adalah sesuai dan tepat pada masanya. Dalam masa kita bergerak ke dekad baharu, adalah penting bagi negara untuk terus bekerja secara kolektif untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan lebih mampan untuk semua.

Agenda Pembangunan Berdaya Tahan 2030 dan SDG adalah alat pembangunan penting yang menguntungkan semua negara dan rakyatnya. Oleh itu, Negara Brunei Darussalam tetap komited dalam melaksanakan agenda, selari dengan usaha kita ke arah Wawasan Brunei 2035 dalam menghasilkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, kualiti hidup yang tinggi serta ekonomi yang dinamik dan mampan.

Untuk tujuan ini, saya ingin berkongsi beberapa inisiatif yang telah kami lakukan setakat ini, terutamanya dari sudut pembangunan ekonomi.

Berpaksikan prinsip SDG bagi memastikan tiada siapa yang tertinggal di belakang dan menyeru kerjasama dalam kalangan masyarakat global, dasar-dasar ekonomi Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk memastikan pertumbuhan inklusif dan mampan yang mewujudkan

peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup untuk semua. Sebagai ekonomi kecil, kami menyokong regionalisme terbuka serta sistem perdagangan pelbagai hala yang mantap, telus dan saling menguntungkan dan kami terus menyokong, melalui kerjasama dengan rakan perdagangan.

Untuk memastikan kemampaman ekonomi jangka panjang, Negara Brunei Darussalam meneruskan usaha penyelidikan ekonomi melalui lima sektor utama, iaitu (i) Minyak dan Gas Hilir; (ii) Makanan; (iii) Pelancongan; (iv) Perkhidmatan; dan (v) ICT. Meningkatkan aktiviti dalam sektor-sektor ini akan menjana pertumbuhan industri kami, memberi peluang pekerjaan dan meningkatkan KDNK kami.

Mengekalkan ekosistem yang kondusif adalah penting bagi Negara Brunei Darussalam menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti dan menggalakkan keusahawanan tempatan. Kami terus menggalakkan PMKS untuk terus meneroka dan mengambil bahagian dalam rantaian nilai serantau dan global yang dapat dilakukan melalui Perjanjian Perdagangan Bebas kami serta inisiatif keusahawanan yang dilaksanakan oleh Darussalam Enterprise (DARe), termasuk yang disasarkan kepada usahawan muda.

Sejak beberapa tahun yang lalu, Kerajaan Negara Brunei Darussalam memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur sokongannya sebagai sebahagian daripada usaha untuk terus memperbaiki taraf hidup rakyatnya dan memastikan tiada siapa yang tercincir. Baru-baru ini, kami memulakan inisiatif untuk memodenkan infrastruktur telekomunikasi kami yang bertujuan untuk memastikan perkhidmatan telekomunikasi dan internet yang berdaya saing dan cekap. Melalui usaha sedemikian, rakyat kami boleh menjangkakan peningkatan yang ketara dalam ketersediaan dan kualiti perkhidmatan telekomunikasi pada harga yang lebih berpatutan. Ini bukan sahaja akan memberi akses yang lebih besar kepada rangkaian mudah alih dan rangkaian internet untuk rakyat di seluruh negara, terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, tetapi juga dapat mengurangkan kos menjalankan perniagaan bagi usahawan kami.

Satu lagi perkembangan penting dalam memastikan keterangkuman dan penyambungan adalah pembinaan Jambatan Temburong yang akan memperbaiki pergerakan penduduk, pelancong dan perniagaan di antara Daerah Temburong dan bahagian-bahagian lain di Negara Brunei Darussalam. Ini akan membuka lebih banyak peluang kerjasama dalam sektor lain seperti ekopelancongan, pertanian, pembuatan dan budaya.

Ke muka 6

Dari Sidang Pengarang.

1 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 شعبان 7

## HARGAI PETUGAS BARISAN HADAPAN!

**S**EMUA pihak berperanan penting dalam menangani wabak pandemik COVID-19 termasuk orang ramai lebih-lebih lagi mereka yang bertugas di barisan hadapan. Dedikasi dan komitmen yang diberikan daripada segi masa, tenaga bahkan kewangan adalah satu pengorbanan besar mereka terhadap keselamatan dan kesejahteraan negara.

Ini termasuklah ahli-ahli barisan hadapan seperti Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Aircrew Penerbangan Royal Brunei, Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam, pengendali Talian Kesihatan 148 serta sukarelawan-sukarelawan dari pelbagai agensi, seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan persatuan-persatuan bukan kerajaan yang telah sama-sama bertungkus lumus mengawal wabak ini.

Namun begitu, masih ada segelintir pihak yang tidak matang dalam memberikan komentar berhubung usaha kerajaan menangani wabak pandemik COVID-19 di negara ini. Perkara itu dapat dilihat apabila masih jelas suara-suara sumbang di media sosial yang cuba menyalahkan kerajaan sehingga ada segelintir rakyat yang masih ingkar mengikuti arahan. Perlu diingat, semua individu amat berisiko tinggi untuk dijangkiti dengan wabak ini dan langkah pencegahan harus diberi perhatian sepenuhnya kerana sekarang bukannya masa untuk berpolitik dan saling menyalahkan.

Hargai petugas barisan hadapan yang bekerja lebih masa dan antaranya melebihi 18 jam sehari malah mereka juga turut berpisah dengan anak, isteri dan suami tersayang demi negara.

Mereka juga berisiko dengan jangkitan virus pandemik yang boleh membawa maut. Justeru itu, berhentilah memberi komentar yang tidak matang dan jangan sekali menguris perasaan petugas yang banyak berkorban membantu di barisan hadapan.

Justeru apa peranan kita sebagai barisan belakang? Apakah pengorbanan yang boleh kita berikan kepada mereka? Tidaklah seberapa pengorbanan yang kita berikan. Cukuplah kita mematuhi perintah yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan dan tidak memberikan komentar yang tidak matang dengan niat untuk mengkritik usaha kerajaan.

Peranan kita sebagai barisan belakang juga amat penting kerana kita berusaha untuk membendung gelombang yang boleh melemahkan kekuatan barisan hadapan kita. Peranan kita menahan kemarahan musuh yang tidak kelihatan dengan mata kasar ini. Kita masih ada harapan asalkan rakyat menunjukkan semangat muafakat dan perikatan yang kukuh. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam membendung penularan COVID-19 dengan usaha, sokongan, doa dan tawakal. - Ketua Penyuntingan (Ad).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>	32 °C	32 °C
25 °C	26 °C	26 °C
PEKAN BANGAR	32 °C	32 °C
26 °C	25 °C	25 °C
PEKAN TUTONG	32 °C	32 °C
26 °C	25 °C	26 °C
KUALA BELAIT	32 °C	32 °C
25 °C	26 °C	25 °C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
1	RABU	7	4.52	5.02	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29 7.38
2	KHAMIS	8	4.51	5.01	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29 7.38
3	JUMAAT	9	4.51	5.01	6.18	6.41	12.25	3.25	6.29 7.38
4	SABTU	10	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29 7.38
5	AHAD	11	4.50	5.00	6.17	6.40	12.24	3.26	6.28 7.38
6	ISNIN	12	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28 7.38
7	SELASA	13	4.49	4.59	6.17	6.39	12.23	3.27	6.28 7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
123

NDMC  
2380214

# COVID-19 : Dua kes baharu disahkan



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan memberikan penerangan pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19.**

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

## Dari muka 1

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, sebanyak tujuh lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 45 orang dan ini bermakna terdapat 83 kes yang sedang dirawat di pusat berkenaan.

Daripada jumlah tersebut, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan tiga orang masih dalam keadaan kritis dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di pusat tersebut, di mana salah seorang daripadanya sekarang memerlukan bantuan mesin tambahan *heart / lung machine* (ECMO), manakala

seorang lagi masih di dalam pemantauan rapi dan selebihnya dalam keadaan yang baik.

Kementerian Kesihatan juga ingin mengongsikan, pada masa ini seramai 854 orang sedang menjalani kuarantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala seramai 1,424 orang menamatkan tempoh kuarantin dan dalam keadaan yang baik.

Sejak awal Januari 2020, sebanyak 6,421 ujian makmal bagi COVID-19 dijalankan, yang membawa kepada nisbah seorang dalam 67 penduduk negara ini diberi pemeriksaan.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

**MENURUT Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, sebanyak tujuh lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 45 orang dan ini bermakna terdapat 83 kes yang sedang dirawat di pusat berkenaan.**

**JAGA KESIHATAN MINDA AWDA SEBAGAIMANA AWDA MENJAGA KEBERSIHAN TANGAN**

Merasa cemas atau tertekan? Ianya adalah 'normal' dalam situasi masa kini COVID-19

<b>SENAMAN FIZIKAL</b>	<b>MELATIH MINDA</b>	<b>RELAKSASI</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Senaman didalam rumah</li> <li>Jogging (di kawasan sekitar rumah)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membaca buku</li> <li>Menulis dalam jurnal</li> <li>Mempelajari kemahiran baru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melakukan teknik penafasan yang betul</li> <li>Mendengar audio relaksasi</li> <li>Mengekalkan hubungan sosial secara 'online'</li> </ul>
<b>PENGAMBILAN MAKANAN SIHAT</b>	<b>MENJAUHI MAKLUMAT/ BERITA PALSU</b>	<b>AKTIVITI KEAGAMAAN DAN KEROHANIAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempelajari resipi baru</li> <li>Kurangkan pengambilan snek</li> <li>Permakanan teratur mengikut jadual</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hadkan waktu media sosial awda</li> <li>Meluangkan waktu bersama keluarga</li> <li>Menonton cerita, video atau mendengar musik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menunaikan solat</li> <li>Membaca zikir-zikir harian</li> <li>Membaca Al-Quran</li> <li>Memperbanyakkan Doa dan Istighfar</li> </ul>

#Stayhome #besafe #teranahdirumah

Jika sekiranya awda masih merasa cemas, hubungi Talian Harapan 145 untuk bantuan selanjutnya.

Disediakan oleh Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Masyarakat 2020

# MAKLUMAT PENTING COVID-19

## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### Pastikan nombor telefon bimbit diberikan betul, boleh menerima SMS

Kementerian Kesihatan juga ingin meminta kerjasama kepada sesiapa yang menjalani ujian makmal untuk memastikan nombor telefon bimbit yang diberikan kepada petugas-petugas adalah betul dan boleh menerima pesanan ringkas SMS. Ini adalah kerana pihak Kementerian Kesihatan akan mengirimkan keputusan ujian makmal melalui pesanan ringkas SMS sebaik saja keputusan tersebut diperoleh. Inisiatif ini baru bermula pada 28 Mac 2020 dan masih melalui fasa percubaan. Oleh yang demikian, berkemungkinan terdapat sedikit kelambatan dalam pengiriman pesanan-pesanan ringkas SMS tersebut. Dalam pada itu, sesiapa yang menerima panggilan telefon dari Kementerian Kesihatan bagi keputusan ujian makmal masing-masing tidak akan lagi menerima keputusan melalui pesanan ringkas SMS.

### Tambah kapasiti, percepatkan proses ujian makmal COVID-19

Kementerian Kesihatan mengongsikan bahawa pembinaan Makmal Virologi tambahan yang terletak di Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan selesai dibina dan akan mula beroperasi pada 1 April 2020. Projek pembinaan antara Kementerian Pembangunan dengan Kementerian Kesihatan tersebut bermula pada 17 Mac 2020 dan adalah projek yang dikendalikan oleh sebuah syarikat kontraktor tempatan iaitu LSL Sdn. Bhd. dengan kerjasama Beijing Genomic Institution (BGI). Dengan adanya Makmal Virologi tambahan ini InsyaaAllah akan dapat menambahkan kapasiti dan mempercepatkan proses ujian makmal bagi COVID-19 di negara ini.

### Penutupan sementara masjid, surau, balai ibadat dilanjutkan hingga 6 April 2020

Maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam Brunei memaklumkan bahawa penutupan sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara yang berakhir pada Isnin, 6 Syaaban 1441H bersamaan 30 Mac 2020M adalah dilanjutkan lagi selama satu minggu mulai Selasa, 6 Syaaban 1441H bersamaan 31 Mac 2020M sehingga pada Isnin, 13 Syaaban 1441H bersamaan 6 April 2020M.

### KHEU bekerjasama dengan RTB menyiaran rancangan keagamaan

Sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat ditutup, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei akan menyiaran rancangan-rancangan keagamaan di radio dan televisyen pada waktu tengah hari, Jumaat dengan pengisiannya bacaan-bacaan zikir dan tazkirah yang juga boleh diikuti membacanya oleh orang ramai.

### Pakej bantuan ekonomi tambahan diperkenalkan 1 April 2020

Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Persatuan Bank-Bank Brunei (Brunei Association of Banks), sukacita memaklumkan dan untuk menambah lagi langkah-langkah yang diumumkan sebelum ini, satu pakej bantuan ekonomi tambahan yang akan mula diperkenalkan pada 1 April 2020 yang secara keseluruhannya, bernilai lebih kurang BND250 juta dalam bentuk penangguhan pembayaran pokok pinjaman atau pembiayaan dan pengecualian bayaran dan caj. Langkah ini jika dicampur dengan bantuan fiskal yang diumumkan sebelum ini, seperti Penangguhan Pembayaran atau *deferment* ke atas Caruman TAP dan SCP; peningkatan kapasiti pekerja, termasuk produktiviti perniagaan akan meningkatkan pakej rangsangan ekonomi untuk Negara Brunei Darussalam bagi COVID-19 adalah keseluruhannya bernilai BND450 juta.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

**148**

Waktu Operasi 24 jam setiap hari

# COVID-19 : Satu kes baharu disahkan, tiga kritikal, empat sembah



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (tengah) semasa Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (kiri) dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Kementerian Kesihatan memaklumkan mengenai satu kes baharu yang disahkan COVID-19 di negara ini, sekali gus membawa jumlah keseluruhan kes di negara ini ialah 127 orang.

Kes 127, berumur 3 tahun adalah anak kepada Kes 120. Kanak-kanak ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dan mula mengalami demam panas pada 21 Mac 2020.

Ini dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, sebanyak empat lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembah dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa jumlah keseluruhan yang sembah kepada 38 orang dan ini bermakna terdapat 88 kes yang sedang dirawat di pusat berkenaan.

Walau bagaimanapun, terang Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada hari ini, seorang lagi pesakit yang sebelum ini dalam pemantauan rapi kini berada dalam keadaan kritikal dan ini

membawa jumlah kes berada dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif di pusat tersebut kepada tiga orang, manakala seorang lagi masih dalam pemantauan rapi dan selebihnya dalam keadaan yang baik.

Sementara itu pula ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan, seramai 829 orang sedang menjalani kuarantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, seramai 1,389 orang lagi menamatkan tempoh kuarantin dan dalam keadaan yang baik.

"Sejak awal Januari 2020, sebanyak 5,980 ujian makmal bagi COVID-19 telah dilajankan. Seramai 531 orang telah mendaftar untuk menjalani pengasingan diri mandatori di rumah masing-masing selepas tiba di negara ini setelah membuat perjalanan antarabangsa, yang mana kira-kira 346 daripadanya adalah penuntut. Sebahagian besar daripada mereka telah menghadirkan diri untuk menjalani ujian makmal bagi COVID-19," terang Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga turut menekankan, sesiapa yang belum menjalani ujian makmal tersebut adalah dinasihatkan untuk menghadirkan diri ke Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dengan segera.

"Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan juga masih giat melaksanakan ujian makmal bagi COVID-19 terhadap mereka yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Setakat ini, daripada sejumlah 1,425 orang yang berdaftar di kemudahan-kemudahan tersebut, seramai 1,051 orang (kira-kira 72 peratus) telah menjalani ujian makmal," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menjelaskan, sesiapa yang didapati positif bagi COVID-19 telah dibawa untuk rawatan ke Pusat Pengasingan Kebangsaan.

## COVID-19 : Makmal Virologi beroperasi 1 April 2020

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Projek pembinaan antara Kementerian Pembangunan dengan Kementerian Kesihatan berkaitan dengan Makmal Virologi yang bermula pada 17 Mac 2020 dan dikendalikan oleh sebuah syarikat kontraktor tempatan, iaitu LSL Sdn. Bhd. dengan kerjasama Beijing Genomic Institution (BGI) diharap akan dapat menambahkan kapasiti dan mempercepatkan proses ujian makmal bagi COVID-19 di negara ini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga turut memaklumkan kepada orang ramai di mana pembinaan Makmal Virologi Tambahan yang terletak di Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan selesai dibina dan insyaAllah akan mula beroperasi pada 1 April 2020.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](https://healthinfo.gov.bn).

## Empat jemaah tabligh negara dalam pemantauan kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa empat daripada sembilan orang jemaah tabligh yang berada di Kuala Lumpur pulang ke tanah air pada 29 Mac 2020.

Keempat-empat mereka ini disahkan positif COVID-19 semasa berada di Kuala Lumpur dan sudah mendapat rawatan di hospital-hospital di Kuala Lumpur. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam akan meneruskan pemantauan kesihatan terhadap mereka untuk memastikan mereka akan terus dalam keadaan yang baik, berpandukan penilaian risiko masing-masing.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

## COVID-19 :

### Hentikan penularan mesej

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Mengenai dengan mesej yang tular berkenaan pencarian kontak bagi salah seorang kes yang disahkan positif COVID-19, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kes tersebut dimasukkan ke Pusat Pengasingan Kebangsaan untuk rawatan sejak 28 Mac 2020 dan kekal berada di pusat tersebut sejak tarikh berkenaan.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Walau bagaimanapun, terang Yang Berhormat Menteri Kesihatan, untuk membantu penyiasatan lanjut mengenai kes ini, Kementerian Kesihatan ingin meminta sesiapa yang ada mempunyai kontak bersama dengan kes tersebut di antara 10 hingga 15 Mac 2020 untuk menghubungi talian +673 2380665 atau +673 8163065 (semasa waktu pejabat sahaja).

"Dalam pada itu, kerjasama dan timbang rasa orang ramai adalah juga dipohonkan untuk menghentikan penularan mesej berkenaan demi menjaga privasi kes berkenaan," tegas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

## COVID-19 : Beri kerjasama, pastikan maklumat diberikan dengan betul

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Kementerian Kesihatan meminta kerjasama kepada sesiapa yang menjalani ujian makmal untuk memastikan nombor telefon bimbit yang diberikan kepada petugas-petugas adalah betul dan boleh menerima SMS. Ini adalah kerana pihak Kementerian Kesihatan akan mengirimkan keputusan ujian makmal melalui SMS sebaik saja keputusan tersebut diperoleh.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga turut menjelaskan bahawa inisiatif ini baru bermula pada 28 Mac 2020 dan masih melalui fasa percubaan, oleh yang demikian, berkemungkinan terdapat sedikit kelambatan dalam pengiriman SMS tersebut.

Dalam pada itu jelas Yang Berhormat, sesiapa yang menerima panggilan telefon dari Kementerian Kesihatan bagi keputusan ujian makmal masing-masing tidak akan lagi menerima keputusan melalui SMS.

# Penutupan sementara dilanjutkan hingga 6 April

Dari muka 1

Hasil persidangan tersebut disembaikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankannya.

Menteri Hal Ehwel Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan perkara itu semasa Sidang Media Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian kesihatan, di sini.

"Maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam Brunei memaklumkan bahawa penutupan sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara yang berakhir pada Isnin,

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

6 Syaaban 1441H bersamaan 30 Mac 2020M adalah dilanjutkan lagi selama satu minggu mulai Selasa, 6 Syaaban 1441H bersamaan 31 Mac 2020M sehingga pada Isnin, 13 Syaaban 1441H bersamaan 6 April 2020M kerana masih ada bahaya penularannya seperti nasihat Kementerian Kesihatan dan Fatwa Mufti Kerajaan bilangan 02/2020 mengenai kewajipan menghindari daripada bahaya. Sebelum tamat tempoh penutupan ini, Majlis Ugama Islam Brunei akan menilai lagi perkembangan sekitar penularan wabak ini di negara kita, ujar Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa langkah-langkah pembersihan seluruh masjid, surau dan balai ibadat secara semburan nyah kuman telah pun selesai dilaksanakan, sementara langkah untuk menjaga kebersihan masjid secara berterusan akan dilaksanakan berpandukan nasihat Kementerian Kesihatan bagi membolehkan masjid digunakan dengan selamat seperti biasa setelah dibuka nanti.

Walau bagaimanapun ujar Yang Berhormat Menteri, penggunaan semula masjid-masjid adalah masih tertakluk kepada keadaan wabak COVID-19 dan

perkembangannya di negara ini.

Berhubung kegiatan keagamaan pada malam Nisfu Syaaban pada setiap tahun jelas Yang Berhormat, di mana pada tahun ini malam Nisfu Syaaban adalah jatuh pada Rabu, 15 Syaaban 1441H bersamaan 8 April 2020M, di mana mengikut tarikh tersebut perkara ini tidak termasuk dalam tempoh penutupan sementara masjid pada masa ini dan akan dimaklumkan mengenainya selepas penilaian perkembangan wabak COVID-19 yang akan datang nanti.

Yang Berhormat juga seterusnya berkata di mana sementara masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat ditutup, Kementerian Hal Ehwel Ugama dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei akan menyiar rancangan-rancangan keagamaan di radio dan televisyen pada waktu tengah hari Jumaat dengan pengisiannya bacaan-bacaan zikir dan tazkirah yang juga boleh diikuti membacanya oleh orang ramai.

Menurut Yang Berhormat lagi, Kementerian Hal Ehwel Ugama ingin mengulangi seruan kepada orang ramai agar dapat menggunakan peluang pada masa ini untuk terus meningkatkan amal ibadah dan kebajikan bersama keluarga di rumah

masing-masing.

"Dalam keadaan kehidupan sehari-hari kita terjejas pada masa ini akibat wabak COVID-19, hendaklah kita terus mematuhi arahan-arahan daripada pihak-pihak berkuasa terutama Kementerian Kesihatan sambil meningkatkan amal ibadah dan kebajikan serta beristighfar dengan berdoa memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alala melimpahkan rahmat dan balas kasihan-Nya bagi melindungi kita sekalian dari bala bencana khasnya dalam keadaan sekarang ini wabak COVID-19."

"Dan jangan lupa bahawa kita ini adalah umat Islam yang beriman, kita diajarkan untuk menerima apa jua bencana dan musibah sebagai ujian dan cubaan daripada Allah Subhanahu Wata'alala yang mana cubaan dan ujian ini adalah untuk melihat sejauh mana iktiar dan usaha kita mengatasinya. Ini bertepatan dengan ayat 2 dari Surah Al-Ankabut :

"Yang mafhumnya : "Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarakan dengan (hanya) berkata : Kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji?" (Ayat : 2). Sebagai umat Islam yang beriman, kita hendaklah sentiasa bersabar dan jangan lalai daripada berikhtiar dan berdoa. Dalam mengharungi suka duka kehidupan, marilah kita berpandukan firman Allah ayat 155 dan 156 dalam Surah Al-Baqarah yang mafhumnya : "Dan sesungguhnya Kami pasti



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama memberi penerangan semasa Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar". (Ayat : 155). "Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah mereka berkata : Sesungguhnya Kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali." (Ayat : 156)," ujar Yang Berhormat.

## AMBD sentiasa pantau perkembangan situasi perbankan negara



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memberikan jaminan bahawa sektor perbankan di Negara Brunei Darussalam adalah kekal berdaya tahan, kukuh dan mempunyai dana modal yang mencukupi dan dalam masa yang sama AMBD akan terus memantau perkembangan situasi ini bersama dengan institusi-institusi kewangan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdulla menjelaskan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Status Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat

berkata, merujuk sidang-sidang media yang lalu, masing-masing bertarikh 19 Mac 2020, 21 Mac 2020 dan 28 Mac 2020 berkenaan dengan langkah-langkah interim yang diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu dan mengurangkan beban kewangan kepada beberapa sektor tertentu termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan sebilangan individu, iaitu berikut dengan wabak COVID-19, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi pihak AMBD dan Persatuan Bank-Bank Brunei (Brunei Association of Banks) memaklumkan untuk menambah lagi langkah-langkah yang diumumkan sebelum ini, satu pakej bantuan ekonomi tambahan yang akan mula diperkenalkan pada 1 April 2020, yang secara keseluruhannya bernilai lebih kurang BND250 juta dalam bentuk penangguhan pembayaran pokok pinjaman atau pembiayaan dan pengecualian bayaran dan caj.

Ujar Yang Berhormat lagi, langkah ini jika dicampur dengan bantuan fiskal yang diumumkan sebelum ini, seperti Penangguhan Pembayaran atau *deferment* ke atas Caruman TAP dan SCP; peningkatan kapasiti pekerja termasuk produktiviti perniagaan akan meningkatkan pakej rangsangan ekonomi untuk Negara Brunei Darussalam bagi COVID-19 adalah keseluruhannya bernilai BDN450 juta.

"Pakej-pakej yang akan saya umumkan berikut adalah khusus untuk semua sektor perniagaan di negara ini dan individu-individu termasuk mereka yang bekerja sendiri (*self-employed*), di mana dengan bantuan tambahan ini, adalah diharapkan untuk membantu meringankan beban kewangan kepada syarikat-syarikat perniagaan dan individu-individu yang terkesan iaitu: Untuk membuat penangguhan jumlah pembayaran pokok (*principal amount*) pinjaman atau pembiayaan kepada semua sektor; Menstruktur semula

dan membuat penangguhan jumlah pembayaran pokok (*principal amount*) ke atas pinjaman peribadi dan kemudahan sewa beli seperti pinjaman atau pembiayaan membeli kereta untuk tempoh tidak melebihi 10 tahun; Memberi penangguhan pembayaran pokok pinjaman (*principal amount*) atau pembiayaan untuk memiliki harta tanah; Menstruktur semula baki tertunggak (*outstanding balance*) kad kredit kepada pinjaman (*loan*) untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun bagi individu-individu yang terkesan di sektor swasta sahaja termasuk mereka yang bekerja sendiri (*self-employed*)," jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, langkah ini tidak akan menaikkan jumlah had kad kredit selama tempoh tiga tahun berkenaan dan semua bayaran dan caj bank, kecuali caj pihak ketiga tidak akan dikenakan.

Menurut Yang Berhormat, penangguhan ini adalah bermula daripada tarikh kebenaran permohonan sehingga 31 Mac

2021, Syarikat-syarikat dan individu - individu bolehlah membuat permohonan Penangguhan dan Penstruktur semula kepada bank-bank atau institusi kewangan masing-masing di antara 1 April 2020 hingga 30 Disember 2020.

Yang Berhormat juga turut menekankan bahawa permohonan adalah tertakluk kepada penelitian bank-bank dan institusi kewangan masing-masing dan dengan penambahan langkah-langkah bantuan ini, bank-bank adalah diharap untuk dapat memberi sokongan kepada syarikat-syarikat perniagaan dan individu-individu yang terkesan, dan seterusnya meringankan beban kewangan mereka dalam keadaan yang sukar ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai langkah-langkah berkenaan, orang ramai bolehlah menghubungi bank masing - masing, atau menghubungi AMBD melalui talian +673 2388388 atau melalui e-mel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn).

# Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan dirasmikan



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) semasa menerima kunci Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan daripada Pengarah LSL Sdn. Bhd., Dato Paduka Haji Ahmad bin Kadi.**

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

## Dari muka 1

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Kunci dan Perasmian bangunan yang disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat, seterusnya acara penyerahan kunci bangunan oleh



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan berkesempatan meninjau lebih lanjut fungsi makmal berkenaan.**

Pengarah LSL Sdn. Bhd., Dato Paduka Haji Ahmad bin Kadi kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, seterusnya menyerahkan kunci kepada Pemangku Pengarah Perkhidmatan Makmal, Dr. Hajah Surita binti Haji Mohd. Taib.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri juga berkesempatan meninjau dengan

lebih lanjut fungsi makmal berkenaan.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Ketua Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan, Dr. Zainun Zaini menjelaskan bahawa bangunan tambahan tersebut mempunyai empat buah bilik utama, iaitu makmal penerimaan contoh, makmal memproses contoh, makmal penyediaan



reagent dan makmal amplification.

Menurutnya, bagi penempatan kakitangan yang akan menjalankan ujian di makmal tersebut, mereka akan ditempatkan seramai tujuh orang dalam satu masa dan bertugas secara bergilir-gilir (*shift*).

Tambahnya, kakitangan yang menjalankan tugas ialah seramai 26 orang yang akan dilatih di kawasan makmal berlainan. Menyentuh tentang aliran kerja pada masa ini, beliau menjelaskan, kapasiti ujian sampel secara maksima dalam sehari ialah sebanyak 240 sampel dengan menggunakan kaedah manual.

Beliau turut menjelaskan lagi bahawa dengan terbinanya bangunan tambahan itu, kapasiti ujian sampel akan dapat ditingkatkan lagi dengan menggunakan prosedur *semi-automated*.

Ciri-ciri keselamatan juga dipertingkatkan di makmal baru ini ujarnya, demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan pegawai serta kakitangan yang bertugas di makmal berkenaan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif; pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya juga pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Makmal.

**ANTARA kemudahan yang disediakan di bangunan tambahan Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan di Kampung Sumbiling, Bandar Seri Begawan (kiri sekali dan kiri).**

## HALUAN

# Komit laksana Agenda Pembangunan Berdaya Tahan 2030

## Dari muka 2

Dalam melakukan semua ini, kami menyedari bahawa rakyat adalah salah satu aset terbesar negara. Oleh itu, kami adalah komited untuk melabur di dalamnya untuk masa depan kami, dengan mengekalkan dasar inklusif seperti akses kepada pendidikan berkualiti, penjagaan kesihatan; kemasukan kewangan; dan penambahbaikan dalam produktiviti pekerja. Di bawah 'Wawasan 2035', Negara Brunei Darussalam menekankan peluang yang sama kepada wanita dalam tenaga kerja dan pembangunan ekonomi kita.

Wanita hari ini mewakili 59 peratus daripada jumlah tenaga kerja dan 53 peratus warga perkhidmatan awam dalam negara. Kini lebih ramai wanita bekerja dalam sektor yang mulanya didominasi kaum lelaki, seperti penerangan, kejuruteraan dan maritim. Dalam sektor perniagaan, kita terus menyaksikan penyertaan aktif wanita, di mana lebih daripada 50 peratus daripada PMKS dimiliki, dikendalikan dan diasaskan oleh usahawan wanita. Orang perseorangan

dan orang awam juga menyokong inisiatif kerajaan untuk memperkasakan ekonomi dalam kalangan wanita seperti Majlis Perniagaan Wanita Brunei, Rangkaian Wanita Wanita Brunei (BWN) dan rangkaian mereka dengan persatuan wanita serantau dan antarabangsa yang lain.

Sebagai langkah pemedulian terhadap golongan yang kurang berkemampuan, satu sistem pangkalan data pusat untuk program-program sedang dibina. Program ini bertujuan untuk memperbaiki keberkesanan program-program kebajikan kami agar golongan yang memerlukan akan menerima bantuan.

Kami juga menyedari bahawa tanggungjawab kami dalam mempromosikan usaha untuk melindungi alam sekitar melalui inisiatif, seperti "Hari Tanpa Plastik" dengan tujuan untuk mengurangkan penggunaan beg plastik di pasar raya utama pada Sabtu dan Ahad. Tahun lepas, inisiatif itu diperluaskan ke sepanjang minggu.

Semua usaha yang saya sebutkan tadi dijangka akan meningkatkan kebajikan dan

kualiti hidup rakyat kita, bukan hanya untuk generasi masa ini, tetapi juga untuk generasi masa hadapan kita, selaras dengan Agenda 2030. Pencapaian mereka bukanlah satu pencapaian yang mudah. Memandangkan kerumitan dan proses dan potensi kesan yang besar, usaha ke arah mencapai SDG memerlukan pendekatan dan inisiatif holistik dan menyeluruh yang cekap, mampan dan dikendalikan dengan baik di kalangan semua pihak berkepentingan yang berkaitan. Kerajaan, sektor swasta dan anggota masyarakat sepertutnya kekal bersatu dan terus bekerjasama untuk memastikan tiada siapa yang tercincir dan setiap orang dapat menikmati limpahan positif dari pertumbuhan ekonomi.

Hanya tinggal satu dekad lagi untuk mencapai tahun 2030, usaha dan tindakan kita ke arah pencapaian SDG perlu diperkuatkan dan dipergiatkan. Tiada sat negara boleh menyelesaikan cabaran ke arah mencapai SDG dengan sendiri. Dunia di mana kita berada saling berkaitan dan terus berubah. Ekonomi kita, rantai nilai dan sistem kewangan semakin saling berhubung

kait dan begitu juga dengan ancaman dan cabaran. Kesan sampingan luaran yang negatif tidak hanya dikawal oleh sempadan dan benteng. Tindakan dan kerjasama multinasional adalah penting.


Sebagai anggota masyarakat antarabangsa yang bertanggungjawab, Negara Brunei Darussalam akan terus bekerjasama dengan PBB dan rakan serantau dan antarabangsa yang lain untuk kemakmuran bersama.

Sebagai yang kita ketahui, Negara Brunei Darussalam akan mengambil bahagian dalam sesi VNR yang pertama pada bulan Julai ini. Ini menunjukkan komitmen kami untuk mencapai SDG.

Sebagai kesimpulannya, saya berharap semua peserta akan mengambil kesempatan dalam bengkel ini, bukan sahaja sebagai tempat persediaan VNR, tetapi juga sebagai platform untuk bertukar idea mengenai bagaimana kita boleh mencapai Agenda Pembangunan Berdayatahan 2030.

Terima kasih.  
*Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Pelbagai pihak tampil hulur sumbangan kepada Kementerian Kesihatan



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kanan) semasa menerima sumbangan daripada Lim Teck Hoo Holdings Sdn. Bhd. untuk Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani penularan jangkitan wabak COVID-19.**

## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 30 Mac. - Dalam usaha pelbagai pihak, khususnya di sektor swasta dalam sama-sama menangani pencegahan dan penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei

Darussalam, Kementerian Kesihatan tidak pernah berhenti menerima pelbagai sumbangan daripada para penderma.

Berikut dengan penularan jangkitan wabak COVID-19 yang kini berleluasa di seluruh dunia

di mana Amerika Syarikat mencatatkan jangkitan yang tertinggi, Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dengan mengamalkan langkah-langkah kewaspadaan dan berjaga-jaga, khususnya dalam mengawal penularan jangkitan wabak berkenaan.

Sehubungan itu, dalam sama-sama berganding bahu dan membantu pihak kerajaan, pelbagai pihak tampil sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) dari pihak-pihak penderma untuk menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Berikut adalah antara sumbangan-sumbangan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan.

**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Kesihatan semasa menerima sumbangan daripada Emadin Contractor (kiri), sementara gambar kanan, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan menerima sumbangan daripada Aiking Trading Co. Sdn. Bhd.



## Latihan penempatan pelajar IBTE ditangguhkan

### Siaran Akhbar : Institut Pendidikan Teknikal Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 31 Mac. - Berikut dengan pandemik COVID-19 yang melanda di Negara Brunei Darussalam pada masa ini, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) ingin memaklumkan Penangguhan Latihan Penempatan Industri (Industrial Attachment) bagi Pelajar-pelajar IBTE.

Pelajar-pelajar yang terlibat adalah pelajar-pelajar yang dijadualkan memulakan

penempatan mulai pada 1 April 2020 ini.

Bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar dalam menangani penularan pandemik COVID-19, Majlis Akademik IBTE memutuskan penangguhan Latihan Penempatan Industri tersebut selama satu bulan dan akan memulakan penempatan mereka pada 2 Mei 2020 (tertakluk kepada situasi dan perkembangan semasa).

Sementara itu, pelajar-pelajar yang sedang menjalani penempatan industri atau *on-job-training*, adalah diaturkan untuk meneruskan latihan industri mereka seperti biasa. Walau bagaimanapun, bagi latihan / penempatan industri yang terjejas, pihak IBTE akan melaksanakan alternatif lain, termasuk penempatan di institusi-institusi di bawah kawalan IBTE dan / atau membuat projek akhir tahun (*final year project*).

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Bahagian Industri dan Antarabangsa melalui e-mel : [iil.division@ibte.edu.bn](mailto:iil.division@ibte.edu.bn).

Bil	Penyumbang	Jenis Sumbangan Yang Diberikan	Tempat Sumbangan Diadakan	Dari Pihak Penderma, Sumbangan Disempurnakan Oleh	Dari Pihak Kementerian Kesihatan, Sumbangan Diterima Oleh	Rujukan Gambar
1	Stone Ville Hotel, Temburong	Cek berjumlah BS 10,000	Bilik VIP, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan	Pengurus, Yang Mulia Cheng Chiew Ann	Yang Mulia Awang Haji Abdul Manap bin Othman, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan	30Mac-A
2	Syarikat Ampuan Hj Salleh Quarry Temburong	Cek berjumlah BS2,000		Pengurus, Yang Mulia Ampuan Hj Salleh bin Ampuan Hj Judah		30Mac-B (i)
3	Syarikat Ampuan Hj Salleh Quarry Temburong	Cek berjumlah BS 1,000		Pengurus, Yang Mulia Tan Soon Hsing		30Mac-B (ii)
4	Soon Lee Holdings (SLH)	Cek berjumlah \$100,000	Bilik Tamu, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan Bilik Tamu, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan	Financial Controller, Yang Mulia Helen Ong	Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Ismail bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan	30Mac-C
5	Grand Management Company (GMC)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1200 unit (500ml hand sanitizer)</li> <li>• 4000 pcs surgical face mask</li> <li>• 10000 pcs Size M (100 outer) Disposable</li> </ul>		Director, Yang Mulia Eddy Ong		30Mac-D
		Disposable Nitrite gloves		Director, Yang Mulia Drag Ong		
6	Lim Teck Hoo Holdings Sdn Bhd	Cek Berjumlah BS50,000	Bilik Tamu, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan	Chairman & CEO, Yang Mulia Datu Paduka Lim Beng Thai	Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Ismail bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan	30Mac-E
7	Persatuan Hokkien	Cek Berjumlah \$55,400		Pengurus, Yang Mulia Lim Han Chiong		30Mac-F
8	Borneo United Enterprise Sdn Bhd	Cek Berjumlah \$20,000		Managing Director, Yang Mulia Stanley Lim Hock Ghim		30Mac-G
9	HSE Engineering Sdn Bhd	Cek Berjumlah \$10,000	Bilik Tamu, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan	Executive Director, Yang Mulia Michael Chang	Yang Mulia Haji Abdul Manap bin Othman Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan	30Mac-H
10	Air Cat Logistics Sdn Bhd	Cek Berjumlah \$3,000		General Manager, Yang Mulia Thomas Koh		30Mac-I
11	Firoz Jaya Silkhouse Sdn Bhd	Cek Berjumlah \$3,000		Managing Director, Yang Mulia Firoz Khan Namroz Khan		30Mac-J
12	Emadin Contractor	Cek Berjumlah \$1,000	Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan	Wakil bagi pihak Manager, Yang Mulia Hj Japar Bin Suyit	Yang Mulia Dayang Sufinah binti Hj Serudin, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan	30Mac-K
13	Aiking Trading Co. Sdn Bhd	100 carton Mr Brown Coffee		Eksekutif Pentadbiran Aiking, Yang Mulia Dg Nurul Afiezah binti Juhar		30Mac-L



## Penangguhan Kursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1441 Hijrah

### Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 31 Mac. - Dalam usaha membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini, Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan ini memaklumkan bahawa empat sesi Kursus Ibadat Haji yang dijadualkan pada tarikh 3, 5, 10 dan 12 April 2020 adalah ditangguhkan buat sementara waktu kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenainya, bolehlah terus berhubung ke Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam menerusi talian +673 2380559.

# Kaunter pembelian data ditutup sementara


**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 30 Mac. - Sebagai salah satu usaha jabatan dalam membantu dan mendukung kerajaan dalam menghindari penularan jangkitan wabak COVID-19, jabatan akan menutup kaunter pembelian data secara walk-in yang berkuat kuasa mulai 31 Mac 2020 hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian dan hanya akan memproses pembelian data melalui perjanjian sahaja.

Dalam mematuhi saranan Kementerian Kesihatan mengenai penjarakan sosial, beberapa langkah akan diambil oleh pihak jabatan:

Pengambilan data yang dipohonkan dan pembayaran data yang dibeli adalah dilakukan pada masa perjanjian yang dibuat terlebih dahulu. Sila hubungi talian +673 2381342 untuk membuat perjanjian awda. Bilangan wakil dari setiap syarikat / agensi adalah terhad untuk satu orang sahaja. Pemeriksaan suhu badan dan mengisi Borang Deklarasi Kesihatan di Pos Sekuriti semasa ketibaan. Maksimum selama 30 minit bagi setiap slot perjanjian.

Pihak jabatan ingin mengucapkan terima kasih kerana memahami akan keadaan situasi ketika ini. Marilah kita menjadi orang yang bertanggungjawab secara sosial dan marilah kita bersama-sama menghentikan penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Infografik :  
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam



## Penaiktarafan Sistem JCB mengikut penyesuaian pekerja tempatan

**Siaran Akhbar :**  
JobCentre Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 30 Mac. - Dalam usaha peningkatan berterusan untuk memadankan para pencari kerja tempatan dan majikan, JobCentre Brunei (JCB), melancarkan penaiktarafan sistemnya pada 27 Mac 2020.

Sistem JCB yang baharu ini direka bagi memudahkan tiga golongan pengguna sasaran. Pertama, pencari kerja yang mahu menggandakan usaha mencari peluang kerjaya yang sesuai, Kedua, para majikan yang perlu mencari dan mengambil bakat-bakat yang sesuai dan Ketiga, masyarakat awam juga piawai yang berkepentingan.

Sistem yang terdahulu dimulakan pada tahun 2015, berjaya memuatkan iklan dan permohonan pekerjaan secara dalam talian (*online*), tetapi pemadaman kerja dan analisa dilakukan secara manual.

Dengan penaiktarafan ini, Sistem JCB sekarang menawarkan ciri-ciri yang dapat memberikan manfaat lagi kepada para pengguna, termasuk *integrated dashboards*, penyesuaian dan cadangan pekerjaan secara automatik (*automated job matching and recommendations*), penyelaras peluang-peluang latihan, penambahan *search filters*, pilihan daripada 1,000 kemahiran untuk menonjolkan keterangan

dan permohonan pekerjaan, penambahbaikan saluran perhubungan, pautan ke media sosial, analisa untuk laporan, infrastruktur yang lebih stabil dan banyak lagi.

Para pencari kerja baharu digalakkan untuk mendaftar ke sistem ini melalui [www.jobcentrebrunei.gov.bn](http://www.jobcentrebrunei.gov.bn) dengan menggunakan akaun e-Darussalam, manakala syarikat-syarikat baharu bolehlah menggunakan nombor pendaftaran Registration of Companies and Business Names (ROCBN) masing-masing.

Sementara itu, para pencari kerja dan majikan yang sudah berdaftar boleh membuat *log masuk* ke dalam sistem seperti biasa dan mengaktifkan profil juga status permohonan ataupun iklan pekerjaan.

Orang awam juga boleh mengakses Laman Sesawang JCB untuk melihat para majikan teratas, peluang pekerjaan yang *trending*, senarai iklan atau pencari pekerjaan melalui kategori, sesi latihan yang akan datang dan banyak lagi.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi atau WhatsApp menerusi talian JCB, +673 8239933 atau hantarkan maklum balas melalui borang Contact Us dalam sistem itu.

Projek penaiktarafan Sistem JCB ini dijayakan hasil usaha sama Syarikat Dynamik Technologies Sdn. Bhd. dan Liferay India Private Limited.

## MINDA PEMBACA

### Pupuk budaya membaca kalangan masyarakat

**M**INAT membaca dalam kalangan masyarakat kita ternyata semakin berkurangan. Golongan muda terutamanya para pelajar sekolah kebanyakannya tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam untuk menghuraikan maklumat atau isu-isu semasa. Pengetahuan mereka terhad dan tidak berkembang. Perkara ini juga menyebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan kosa kata yang luas. Terdapat pelajar-pelajar yang tidak mengetahui erti sesuatu perkataan yang sememangnya sudah lama digunakan dalam bahasa kita.

Pengetahuan yang terhad ini adalah berpuncu dari tidak mengamalkan budaya membaca. Budaya membaca

perlu ditanam dalam kalangan golongan muda seawal mungkin. Antara langkah paling berkesan untuk memupuk budaya membaca ini ialah menjadi contoh kepada golongan muda. Jika kita membudayakan amalan membaca terutamanya ibu bapa atau penjaga golongan muda, setentunya mereka akan mencontohi amalan tersebut.

Perlunya kita mengamalkan budaya membaca ini adalah kerana terdapat kebaikan-kebaikan yang bermanfaat diperoleh dari mengamalkan budaya membaca. Manfaat utama yang diperoleh dari mengamalkan budaya membaca ialah menambah ilmu pengetahuan. Melalui pembacaan, kita akan memperoleh sesuatu yang baharu

atau meluaskan pengetahuan kita terhadap sesuatu perkara.

Selain itu, amalan membaca bahan-bahan berita seperti surat-surat khabar, kita akan mengetahui isu-isu semasa yang terjadi di dalam atau luar negara. Kandungan surat-surat khabar yang meliputi isu-isu semasa yang terkini, rencana, iklan-iklan dan berita sukan dari seluruh dunia menjadikannya salah satu bacaan yang paling berkesan dalam memberikan pengetahuan kepada kita.

Di samping itu juga, budaya membaca akan dapat memperkaya kosa kata kita. Melalui pembacaan kita akan menambah pengetahuan dalam maksud atau cara penggunaan sesuatu kosa kata dengan lebih efisien. Perkara ini akan

membantu kita untuk berbahasa secara dinamik dan akan memberi kesan positif dalam pertuturan atau penulisan kita.

Kesimpulannya, budaya membaca perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda. Golongan dewasa, ibu bapa dan penjaga haruslah menjadi contoh kepada golongan muda untuk memupuk budaya membaca ini. Budaya membaca sangat bermanfaat bagi mereka yang mengamalkannya. Jika budaya membaca ini tidak diamalkan, kita akan mengalami kerugian dan akan menjadi masyarakat yang seperti katak di bawah tempurung.

**Nama :** Nadiatul Hanna binti Haji Zulkifli

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Utamakan Kebersihan Semasa Penularan Wabak'. Tarikh Tutup : 1 April 2020
- 'Hayati Perjalanan Israk dan Mikraj Rasulullah'. Tarikh Tutup : 8 April 2020
- 'Memupuk Semangat Kesukarelawanan'. Tarikh Tutup : 15 April 2020

#### Termasuk Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Patuhi arahan pihak berkuasa

Berita dan Foto : Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 30 Mac. - Berikutan berlakunya pandemik wabak COVID-19 yang melanda negara sejak 9 Mac yang lalu, ia secara tidak langsung turut menjelaskan beberapa isu sosialisasi masyarakat yang menekankan kepentingan penjarakan sosial dan fizikal (*physical and social distancing*).

Sehubungan itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) mengambil langkah bagi pembayaran Pencen Umur Tua untuk dilaksanakan melalui dua tatacara, iaitu melalui bank sebagai pilihan tambahan, di samping kaedah pembayaran yang dilaksanakan pada masa ini melalui penghulu dan ketua kampung.

Dalam tinjauan Pelita Brunei ke kediaman Pemangku Ketua Kampung Kawasan II, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Awang Haji Omar bin Haji Sapar dalam temu bualnya menjelaskan, pihak kerajaan melalui beberapa agensi yang

tertentu, termasuk penduduk kampung dan Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan II RPN Lambak Kanan memberikan kerjasama padu mereka dalam sama-sama membantu menyelaras, mengawas dan mempersiapkan beberapa pelaksanaan tertentu bagi menjelangnya hari pembayaran pencen tua dan bantuan kebajikan bulanan dan sebagainya bermula 28 Mac lalu.

"Penduduk kampung dan Jawatankuasa MPK Kawasan II ini juga turut bertungkus lumus membersihkan sekitar kawasan rumah seminggu sebelum dan beberapa hari sebelum pembayaran pencen tua dan bantuan kebajikan bulanan bagi memastikan keadaan sekeliling adalah sentiasa bersih dan teratur," terang beliau.

Menurut beliau lagi, pada hari pertama pembayaran pencen tua itu juga, beberapa agensi kerajaan, seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, KKBS, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) turut menyumbangkan

tenaga dalam sama-sama memantau dan mengawas kehadiran para penerima pencen tua untuk diperiksa terlebih dahulu kesihatan mereka, sebelum diarah untuk duduk di tempat yang dikhaskan mengikut standard penjarakan sosial bagi menunggu giliran masing-masing.

Pihak kerajaan juga tambahnya, turut memberikan beberapa kemudahan lain antaranya kemudahan khemah, kerusi, *face mask*, *hand sanitizer*, *glove* dan pengesan *thermal* (bagi memeriksa suhu panas).

Menjawab tentang risiko jangkitan tinggi bagi beliau, kaedah pelaksanaan, seperti yang diusahakan dan disediakan oleh kerajaan ini tidaklah berisiko tinggi kerana dalam perkara ini jelasnya, ketua-ketua kampung itu sendiri dan penduduk kampung perlu memainkan peranan masing-masing dalam mematuhi dan mengikuti nasihat juga arahan daripada pihak-pihak tertentu bagi sama-sama memudahkan dan melancarkan urusan pembayaran ini dengan teratur dan selamat.

Sementara itu, bagi penerima di kawasan-kawasan perkampungan yang mempunyai jumlah penerima yang ramai, perancangan pembayaran dilaksanakan secara



PENJARAKAN sosial dan fizikal diterapkan ketika pembayaran Pencen Umur Tua.

drive-thru di dewan-dewan kemasyarakatan atau tempat-tempat berkapasiti besar (mengikut tadahan masing-masing) yang bersesuaian bagi mengambil langkah-langkah keselamatan yang bertepatan berdasarkan nasihat Kementerian Kesihatan dalam menangani perkembangan terkini wabak COVID-19.

Namun ada juga sesetengah penerima pencen tua lebih selesa menerima pencen mereka di bank,

seperti pasangan suami isteri Awang Haji Abdullah Haji Matnoor, 63, dan isteri, Dayang Hajah Aisah Haji Mohd Taha, 60, mereka masing-masing menerima pencen tua mereka di bank BIBD kerana menganggap ia lebih lancar dan memudahkan urusan mereka tambahan lagi pihak bank berkenaan kini membuka bank lebih awal bagi kemudahan urusan warga emas, seperti mereka untuk menyimpan dan mengambil wang simpanan mereka.

## Musim persekolahan bermula dengan pembelajaran dalam talian



STUDY Pack yang disediakan oleh pihak sekolah bagi para pelajar untuk sesi pembelajaran dalam talian.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG,** Isnin, 30 Mac. - Pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan momentum pembelajaran para pelajar diteruskan walaupun berada di rumah masing-masing, lebih-lebih lagi dalam menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan memutuskan bagi pengajaran dan pembelajaran untuk dilaksanakan secara dalam talian (*online*) pada Musim Persekolahan Penggal Kedua yang bermula hari ini.

Justeru, Pelita Brunei membuat tinjauan dan berkesempatan menemu bual salah seorang pelajar dan ibu bapa mengenai pembelajaran dalam talian ini.

Dayang Nur Fayhaa Maysuun binti Md. Farizal, pelajar dari Sekolah Saint James, Kuala Belait menjelaskan bahawa beliau bersama seronok dengan kaedah pembelajaran dalam talian kerana ia sesuatu pengalaman yang baharu.

Menurut ibunya, Dayangku Sertina binti Pengiran Ibrahim,

beliau turut membantu anaknya dengan mengajarkan cara menggunakan platform aplikasi yang digunakan semasa pembelajaran dalam talian, seperti Google Classroom.

"Pada mulanya memang agak mencabar membantu anak saya menggunakan aplikasi yang diperlukan dan lama-kelamaan anak saya dapat memahami dan boleh mengadaptasi pelajaran dengan sesi pembelajaran dalam talian ini," ujarnya.

Menyentuh mengenai pendapat beliau mengenai pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini, jelasnya, perkara ini memang sesuai yang baharu bagi kita memandangkan keadaan masa kini negara kita tidak terlepas daripada penularan jangkitan wabak COVID-19.

Seterusnya beliau juga menambah bahawa kita harus membuat penjarakan sosial dari orang lain dan sering mencuci tangan juga berdoa kepada Allah agar kita sentiasa dilindungi daripada jangkitan wabak COVID-19.



Akaun e-darussalam awda adalah gerbang awda untuk mengakses perkhidmatan kerajaan secara online seperti memperbaharui lesen memandu dan kenderaan awda, memohon lesen perniagaan, memohon jawatan kosong dan banyak lagi.

Cara-cara untuk mendaftar dan mengaktifkan akaun e-darussalam awda:

1. Layari [www.gov.bn](http://www.gov.bn) - Klik 'Daftar Sekarang' untuk memulakan pendaftaran
2. Isikan borang pendaftaran dengan lengkap
3. Semak emel awda. Awda akan menerima emel mengenai tatacara untuk mengaktifkan akaun e-darussalam awda.
4. Untuk mengaktifkan akaun awda, taip 'Aktifkan akaun e-darussalam saya' dan sertakan gambar awda yang jelas dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan awda, kemudian hantar ke TD123 melalui:
  - Whatsapp Live Chat (8333123)
  - atau
  - Emel (info@123.com.bn)
5. TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika:
  - Gambar awda sepadan dengan gambar dalam kad pengenalan awda
  - Nombor dan nama dalam kad pengenalan awda kelihatan jelas

\*Tentakluk pada Terma dan Syarat
6. TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika semua terma dan syarat adalah dipenuhi. Setelah pengaktifan selesai, kata laluan bagi akaun e-darussalam awda akan dihantar melalui emel.

Untuk keterangan lanjut, layari [www.gov.bn](http://www.gov.bn) atau hubungi Talian Darussalam 123

gov.bn

# Apa Kata Mufti Mengenai COVID-19?

**Disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin  
Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz  
Haji Awang Abdul Aziz bin Juned**

**Sumbangan dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan**

**Bismillaahir Rahmaanir  
Raheem  
Alhamdulillah, Wassalaatu' Alaa Rasullillah  
Wa'alaa Aalihee  
Wasahbihee Wamaan Tabi'ahu  
Wawa'ala. Ammaba'du.**

Para pendengar yang dihormati!

**W**ABAK COVID-19 telah dan sedang melanda dunia. Sehingga kini, ia telah menular menjadi Pandemik, dan sudah pun turut menjangkiti Brunei Darussalam pada 3 Mac 2020, bermula ke atas seorang lelaki warga tempatan, berumur 53 tahun. Kes pertama ini dikenal pasti sebagai kes import yang dibawa dari negara jiran, Malaysia.

Berbangkit dari musibah ini, beberapa pertanyaan telah ditanyakan kepada Mufti, antara lain pertanyaan berbunyi :

Soalan satu : Mengenai hukum mengadakan majlis-majlis keramaian di tempat-tempat umum, seperti majlis-majlis perkahwinan, pernikahan, acara-acara kebudayaan, hiburan dan lain-lain, pada masa perlakunya wabak ini.

Ke atas soalan ini, Mufti menjawab : Adalah hukum asal mengadakan majlis-majlis walimah atau perkahwinan atau pernikahan atau majlis aqiqah itu hukumnya sunat. Sementara jika terdapat acara-acara yang bercanggah dengan hukum agama, maka ia dihukum haram dan berdosa.

Walaupun mengadakan majlis-majlis keramaian seperti perkahwinan itu asalnya sunat, tetapi dengan sebab menularnya wabak berjangkit COVID-19, maka hukum sunat itu boleh bertukar jadi tidak lagi sunat, malah jadi satu kesalahan dan dosa apabila dibuat, kerana membuat itu bererti melangkahi perintah Allah dalam firman-Nya :

وَلَا تُنْقِوا يَأْتِيْكُمْ إِلَى الْكَلَّكَةِ (سورة القمر: 195)

Tafsirnya : "Dan janganlah kamu dengan sengaja mencampakkan diri kamu kepada kebinasaan".

Ditambah lagi kalau pihak berkuasa (Ulil Amri) juga telah menegahnya, maka wajiblah tegahan itu dipatuhi, berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala :

شَانِيَ اللَّهُنَّ مَا شَاءُوا أَهْبَطُوا إِلَيْهِمُ اللَّهُ وَآتَاهُمُ الْأَمْرُ وَأَوْلَى الْأَمْرِ بِدِيْنِهِ (سورة النساء: 59)

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang berkuasa) dari kalangan kamu".

Soalan kedua : Bagaimana pula kedudukan hukum Sembahyang Jumaat dalam masa wabak COVID-19 masih berlaku?

Mufti Menjawab : Hukum mendirikan Sembahyang Jumaat tetap Fardu Ain (wajib), berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala :

شَانِيَ اللَّهُنَّ مَا شَاءُوا إِذَا نَوَّكُ لِلْمَلَائِكَةِ بِمَعْنَى نَقْشَنِي (سورة النساء: 59)

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diseru untuk mengerjakan sembahyang pada Hari Jumaat, maka hendaklah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan melakukan Sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli.

Yang demikian itu adalah lebih baik bagi kamu, jika benar kamu mengetahui".

Ah, ini hukum asal Sembahyang Jumaat. Tuntutan wajib di sini tidak berubah, kecuali ada berlaku 'keuzuran'. Uzur yang bagaimanakah itu? Bukan sebarang uzur, tetapi uzur yang bernama 'Uzur Syarie'.

Apa bentuk Uzur Syarie itu di sini, kita ingin tahu. Antaranya ada dua, takut atau sakit. Jika ada salah satu sahaja pun dari dua-dua ini (takut atau sakit), maka dalam isu ini, itulah ia dinamakan Uzur Syarie'.

Ini disebut oleh hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam :

مَنْ قَعَ عَلَيْهِ فَالْمُؤْمِنُ أَعْلَمُ مَمْنَعَةً مِنْ اتِّقَاعِ غَلَٰٰرٰ ، فَلَا صَلَاةٌ لَهُ ، قَلَّا وَمَا

Maksudnya : "Barang siapa yang mendengar suara orang menyerukan azan, sedang dia tidak mempunyai keuzuran untuk memenuhi seruan itu untuk sembahyang berjemaah), maka tiada sembahyang baginya (untuk diterima secara sempurna). Mereka (para sahabat) bertanya : "Apakah keuzuran itu?" Baginda menjawab : "Takut ataupun sakit".

Kita perhatikan baik-baik jawapan Nabi ini. Uzur itu ialah takut ataupun sakit. Kalau berlaku salah satu, sama ada takut atau sakit, maka itulah ia uzur yang boleh menggugurkan hukum wajib ke masjid untuk melakukan Sembahyang Jumaat.

Takutkan apa yang dimaksudkan itu di sini? Menurut ulama, takut berlakunya mudarat ke atas diri atau ke atas harta benda. Nah, kita sekarang, yang benar-benar ditakutkan itu, ialah takut mudarat menimpa ke atas diri oleh Coronavirus-19. Maka kerana itu, hadir ke masjid beramai-ramai adalah harus ditangguhkan dahulu untuk mengelakkan diri dari serangan bahaya atau jangkitan wabak yang merbahaya ini.

Inilah hukum syarak yang dikuatkan lagi dengan kaedah fiqh :

ذَرْعَةُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ حَلْبِ الْمَصَالِحِ .

Ertinya : "Menolak atau menghindari kerrosakan atau kemudaran itu lebih diutamakan daripada mendatangi atau menghampiri kemaslahatan".

Ini juga dinamakan ia rukhsah atau kelonggaran. Allah Subhanahu Wata'ala dengan segala sifat kasih sayangnya telah menyediakan rukhsah atau kelonggaran itu untuk kita ambil.

Dalam hukum fiqh, bukan sahaja takut atau sakit menjadi rukhsah yang membolehkan orang Islam tidak hadir ke masjid berjemaah, malah setakat hujan lebat juga diperaku sebagai rukhsah atau kelonggaran itu sehingga harus untuk tidak hadir ke masjid berjemaah, betapa dengan takutkan bahaya atau mudarat itu tidak jadi rukhsah?

Baik, ini adalah bagi orang-orang yang lazimnya berada di dalam atau di luar rumah tanpa dikenakan sebarang sekatan. Tetapi bagaimana dengan mereka yang dikenakan sekatan seperti kuarantin atau pengasingan diri (isolation) di penempatan-penempatan tertentu selama 14 hari tidak boleh ke mana-mana? Adakah mereka dituntut mendirikan Jumaat dan sembahyang berjemaah?

Jawapannya : Dari sudut hukum, mereka ini adalah tertakluk di

bawah hukum "الجنس" (penahanan). Mereka ini berhak mendapat rukhsah (kelonggaran) untuk tidak payah hadir Jumaat dan sembahyang berjemaah, sebagaimana berkata Imam ar-Ramli as-Syafi'e Rahimahumullah dalam kitab Nihayah al-Muhtaj, terjemahannya :

*"Dan tidaklah berdosa orang yang ditahan itu meninggalkan Sembahyang Jumaat dan sembahyang berjemaah dan boleh bagi qadhi atau hakim menegah orang yang ditahan itu daripada mengerjakan keduanya (sembahyang Jumaat dan sembahyang berjemaah) jika dia (qadhi) melihat terdapat maslahat padanya..."*

Sehubungan itu mari kita sama-sama hayati firman Allah Subhanahu Wata'ala ini :

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَحْكُمَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ (سورة المائدah: 6)

Tafsirnya : "Allah tidak muhajadikan kamu menanggung kesusahan".

Saudara-saudara penonton yang dihormati! Adakah kita nampak ini ia adalah rahmat Allah? Ya, ini adalah rahmat Allah. Dia telah menyediakan untuk kita rukhsah atau kelonggaran. Kita bukan saja-saja mahu lari dari masjid, bukan! Kita tetap cinta masjid. Kita tetap rindu masjid. Kerana kita juga sama-sama tahu, di antara 10 golongan yang bakal mendapat naungan untuk berteduh pada Hari Kiamat kelak, ialah siapa yang hatinya, jiwynya sentiasa terpaut kepada masjid.

Ah ini, kita tidak lupa. Pihak berkuasa tidak lupa. Oleh itu, jangan anggap arahan pihak berwajib untuk menutup buat sementara masjid sebagai yang dipertikaikan, ini adalah langkah berlandaskan hukum syarak. Langkah berhati-hati. Tidak ada langkah yang lebih awal / afdal / utama untuk dipatuhi, melainkan langkah berlandaskan hukum syarak.

Walau bagaimanapun, kita terdengar juga atau ada mendengar serghaan : Mengapa kita ini terlalu takut kepada COVID-19? Mengapa takut kepada COVID-19, lebih dari takutkan Allah, sehingga rumah-Nya pun ditutup? Mengapa tidak diambil saja jalan tawakal?

Saudara, alhamdulillah, Raja kita dalam Perutusan Khas baginda telah mengungkap jawapan yang tepat, bahawa setahu baginda, tawakal itu paksinya ialah ikhtiar atau usaha, bukan melulu begitu saja.

Ini benar, berdasarkan Al-Quran, firman Allah Ta'ala :

فَإِذَا عَمِّتَ قَنْطَكَ عَلَى اللَّهِ (سورة آل عمران: 159)

Tafsirnya : "Apabila engkau telah berazam (sesudah melakukan ikhtiar dan usaha), maka bertawakallah kepada Allah".

Inilah tawakal yang disuruh, sesudah berusaha, misal dengan jalan berundung, bermesyuarat mencari hikmahnya, maka barulah datang azam dan tawakal.

Baik, mari kita bincang sedikit perkara 'takut' pula : Apa itu takut? Takut adalah 'fitrah', sifat semula jadi sekalian makhluk Allah Ta'ala. Manusia takut, para malaikat takut, bahkan haiwan juga takut. Para malaikat adalah paling penakut, takut untuk mengingkari perintah Allah. Manusia pula dituntut, digesa untuk takut kepada Allah, dalam makna untuk mentaati-Nya, sehingga pada setiap Jumaat, dalam khutbah di atas mimbar, seruan menyuruh takut itu adalah menjadi rukun mesti disebut oleh

khatib : "اتَّقُوا اللَّهَ" (bertakwalah kamu / takutlah kamu kepada Allah). Hatta makhluk binatang juga takut. Binatang kucing sebagai contoh, jinak macam mana pun ia, jika nampak orang baru mendekatinya, yang belum pernah dilihatnya, ia akan lari. Mengapa lari? Kerana ia takut.

Begitulah dengan naluri takut. Islam mengiktiraf naluri takut. Allah mengurnikan naluri ini kepada sekalian makhluk, tidak terkecuali makhluk insan. Cuma perlu diketahui di sini, 'cara' takut itu saja yang berbeza. Takut kepada orang jahat / orang zalim, kita lari. Kepada serigala, kepada buaya mesti lari. Dan kepada penyakit berjangkit, kepada COVID-19, juga wajib lari, hindarkan diri daripadanya.

Berbeza takut kepada Allah. Ah ini jangan lari, bukan lari, tetapi sebaliknya datangilah Dia, hampiri Dia dan menyerah diri kepada-Nya, bukan lari, bukan sembunyi.

Macam mana tidak lari dari Allah itu? Macam mana cara mendekati-Nya itu, macam mana? Caranya ialah kita ikut perintah-Nya. Kita patuh hukum syarak yang digariskan oleh Al-Quran, kitab-Nya dan oleh hadis-hadis Nabi dan Rasul, pesuruh-Nya.

Berkaitan wabak pembunuhan yang amat merbahaya, COVID-19, hukum syarak telah menggesa kita supaya menjauhinya, tidak mendedahkan diri kepadanya. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala :

لَا تُنْقِوا يَأْتِيْكُمْ إِلَى الْكَلَّكَةِ (سورة البقرة: 195)

Tafsirnya : "Janganlah kamu mencampakkan diri kamu kepada bahaya kebinasaan".

Satu contoh pembinaan itu di sini ialah, bukankah COVID-19?

Kemudian untuk lebih menjelaskan, bagaimana cara yang lengkap dan sempurna untuk menggagalkan serangan atau jangkitan wabak COVID-19 atau apa jua jenis wabak di bawah nama taun (penyakit berjangkit), maka Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam juga telah memberi panduan, sabda Baginda :

إِذَا سَخَّنَ الْمَلَائِكَةُ بِأَنَّهُمْ لَا تَذَكَّرُونَ ، فَإِذَا دَوَّنَ عَلَيْهِمْ وَأَنْجَوْهُمْ ( الحديث البخاري)

Maksudnya : "Apabila kamu mendengar ada ta'un menimpah bumi (suatu tempat), maka janganlah kamu memasukinya, dan apabila (ta'un) berlaku di bumi (di suatu tempat) sedang kamu berada di sana, maka janganlah kamu keluar daripadanya".

Ini jelas sebagai panduan syarak, bagaimana menangani wabak.

Selain permasalahan-permasalahan pokok di atas, turut juga ditanyakan hukum 'berjabat tangan' ketika berlaku wabak ini.

Kita menjawab ringkas : Hukum asal berjabat tangan di antara seorang lelaki dengan lelaki yang lain atau di antara seorang perempuan dengan perempuan yang lain adalah sunat sahaja. Namun dalam masa wabak ini, jika pakar kesihatan melihat berjabat tangan itu boleh membawa risiko jangkitan, maka meninggalkannya adalah lebih utama. Itu saja.

Di luar fatwa, izinkan saya untuk mengongsi bicara mengenai COVID-19. Dari sudut pandangan Islam, apa ia sebenarnya COVID-19 itu? Adakah ia penyakit biasa atau luar biasa, atau apa jua nama yang boleh dikatakan dengannya?

Ternyata ia bukanlah penyakit biasa tetapi penyakit luar biasa. Pertubuhan Kesihatan Sedunia



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan di program tersebut pada Jumaat, 2 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 27 Mac 2020 Masihi.**

(WHO) telah menamakan wabak ini dengan : COVID-19, sebagai : CO singkatan dari Corona, VI singkatan dari Virus, D singkatan dari Diseases, Manakala 19 pula adalah merujuk kepada ia berlaku pada 2019.

Ternyata COVID-19 itu adalah penyakit luar biasa. Bukan penyakit biasa. Ia merujuk kepada ta'un (penyakit berjangkit). Dalam sejarah, ta'un telah beberapa kali berlaku. Dalam tahun 1817 malapetaka ta'un bermula di India, membunuh ramai mangsa. Dalam tahun 1820, berlaku pula di dua buah negara rantau kita ini, juga membunuh ramai mangsa. Dalam tahun 1981, telah menyerang AIDS yang dianggarkan membunuh lebih dari 30 juta jiwa di seluruh dunia. Dan lebih awal lagi dari peristiwa-peristiwa ini, wabak yang bernama BLACK DEATH (maut hitam) telah menyerang Asia Tengah sehingga merebak ke Eropah, berlaku pada tahun 1340, yang membunuh jutaan jiwa. Dalam tahun 1918, di penghujung perang dunia pertama, berlaku ta'un bernama Selesema Sepanyol. Ta'un ini diberi nama dengan nama Selesema Sepanyol, bukanlah kerana ia berasal dari Sepanyol, tetapi dinamakan ia Selesema Sepanyol kerana Sepanyol adalah negara neutral dalam perang dunia pertama (1914-1918).

Demikian itu sekelumit sejarah mengenai ta'un (penyakit berjangkit). Bukan itu sahaja, malah banyak lagi yang berlaku sebelum atau sesudahnya, sehinggalah ke masa ini, berlaku pula COVID-19.

COVID-19 adalah musibah, Macam mana musibah ini berlaku? Apa sebabnya?

Siapa yang dapat ataupun mampu menjawab pertanyaan-pertanyaan ini? Ya, orang bolehlah menjawab : Ia adalah penyakit, wabak berjangkit. Itu saja.

Tapi apa puncanya? Kata kita : Mungkin dari makanan, dari kotoran dan lain-lain. Jika ini saja jawapan, masih belum saja dapat memuaskan kita. Jadi jika belum puas, apa lagi cara untuk mendapatkan jawapan yang tepat?

Tanpa melibatkan orang lain, insyaAllah, kita selaku orang beriman, boleh mencari jawapan itu melalui Al-Quran dan hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam Al-Quran itu Allah Subhanahu Wata'ala ada berfirman :

مَّا أَصَابَ مِنْ مُّصِيبَةٍ إِلَّا فِي أَنْفُسِ الْمُنْفَذِينَ (سورة العنكبوت: 11)

Tafsirnya : "Tidak ada suatu bencana (termasuk penyakit-penyakit dan segala macam yang menyusahkan) yang menimpah, melainkan (berlakunya itu) adalah dengan izin (kehendak) Allah Subhanahu Wata'ala juga".

Ke muka 11

**Dari muka 10**

Dan mengapa ia berlaku? Mengapa Allah menghendakinya berlaku?

Ini yang sangat penting untuk dicari jawapannya.

Juga jawapan itu ada dalam Al-Quran. Jawapan dari Al-Quran adalah jawapan yang paling benar. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala :

فَلَمَّا سُئِلُوا مَا لَهُمْ بِهِ يَرْدُنُونَ فَقَالُوا هُنَّا نَبِيُّونَ حَتَّىٰ إِذَا قُرْبُوا إِلَيْهِمْ أَعْلَمُهُمْ بَعْدَهُمْ بَغْيًا فَقَالُوا هُنَّا مُشْرِكُونَ (سورة الأعراف: 144)

**Tafsirnya** : "Apabila mereka (dari kalangan umat manusia) melupakan apa yang telah diperingatkan kepada mereka dengannya, Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala kemewahan dan kesenangan, sehingga apabila mereka (sedang asyik) bergembira dan bersuka ria dengan segala nikmat yang diberikan kepada mereka itu, Kami secara mengejut, timpakan kepada mereka (bala bencana yang membinasakan), maka mereka pun berputus harap (dari mendapat sebarang pertolongan)".

Dari ayat ini, mula-mula Allah menguji dengan nikmat, tidak kira siapa pun yang diuji itu, Muslimin kah atau Musyrikin kah, semuanya sama-sama diuji, diuji dengan apa? Dengan nikmat : Nikmat kemakmuran, kemewahan, kesenangan dan kekuatan. Tetapi dalam tenggelam dengan nikmat-nikmat ini, mereka lupa terhadap siapa yang memberi nikmat itu. Siapa yang memberi nikmat telah menyuruh supaya bersyukur, tetapi mereka tidak bersyukur. Siapa yang mengurniakan nikmat, menyuruh supaya jangan zalim, tetapi mereka melakukan kezaliman. Siapa yang memberi nikmat, menyuruh supaya melaksanakan amar makruf dan nahi munkar, tetapi mereka tidak melaksanakannya.

Lalu kerana itu, salah kah Allah jika menimpakan hukuman? Jangan kata Allah lepas pandang tidak memberitahu perkara ini (perkara hukuman yang akan ditimpakan). Semenjak dari 1,400 tahun lebih lagi Allah sudah pun memberitahunya. Kita umat-umat di zaman-zaman mutakhir ini, mengapakah tidak mahu mengambil peringatan daripada ayat ini? Firman Allah Subhanahu Wata'ala :

وَلَمَّا أَرَتُهُمْ أَنَّمَا مِنْ فَتْنَتِي مَا لَمْ يَرَوْا وَأَنَّهُمْ لَا يَرَوْنَ (سورة الأعراف: 42)

**Tafsirnya** : "Dan demi sesungguhnya Kami telah pun mengutus (Rasul-Rasul) kepada umat-umat yang terdahulu daripada mu (lalu mereka itu mendustakannya), maka Kami pun azab mereka itu dengan kebuluran dan penyakit, supaya mereka merendah diri (insaf) dan bertaubat kepada Allah".

Apa jadi? Luput zaman berganti zaman, peringatan ini hanya ibarat angin lalu sahaja. Lalu kerana itu, kebuluran pun berlaku, ekonomi merudum dan penyakit-penyakit yang diungkap oleh ayat ini, biasa berlaku, lepas satu, satu! Cuma sejarah hanya mampu mencatat, antara ta'un-ta'un paling dahsyat berlaku ialah pada tahun 1340, pada tahun 1817, pada tahun 1820, pada tahun 1981 dan mutakhir setakat ini pada tahun yang kita sendiri berada di dalamnya 2019-2020. Itu yang sempat dicatat oleh sejarawan, betapa yang tidak dicatat?

Jelas di sini, penyakit-penyakit itu adalah merupakan hukuman Allah dan bala yang diturunkan ke atas golongan-golongan yang mengingkari Allah yang melakukan kezaliman dan pelampauan, sedang bagi

orang-orang beriman pula ia adalah satu ujian untuk menguji kesabarannya, contohnya Nabi Allah Ayub 'Alaihissalam diuji berpuluhan tahun dengan penyakit kronik untuk menambahkan pangkat Baginda, sedang bagi kita orang biasa, kalau kita sabar, akan menjadi kafarah penghapus dosa.

Demikian itulah hukuman (*sunatullah*). Ia bukan berlaku saja-saja, tetapi penuh dengan hikmah, hikmah selaku peringatan dan juga hukuman, serta hikmah selaku kafarah penghapus dosa.

Yang ajaibnya, peringatan dan hukuman ini turun dalam bentuk hidupan yang lemah-lemah dan bersaiz kecil sahaja. Contohnya dalam Surah al-Fiil telah diceritakan perihal tentera bergajah untuk memusnahkan Baitullah (Kaabah), tetapi angkatan tentera yang besar itu gagal dan tewas diserang oleh kumpulan burung-burung ababil yang melontarkan batu-batu yang dibakar kepada mereka, sehingga membawa pengsan ataupun histeria.

Selain burung, tentera Allah juga terdiri dari air, angin, kilat dan halilintar. Semua ini dapat ditemui dalam Al-Quran menjadi pemusnah kepada umat-umat yang derhaka di zaman lampau.

Kita sebut satu contoh, hukuman Allah kepada Firaun dan kaumnya. Mula-mula di peringkat awal Allah menceritakan, firman-Nya :

وَلَمَّا أَرَتُهُمْ أَنَّمَا مِنْ فَتْنَتِي مَا لَمْ يَرَوْا وَنَقَصَّ بِهِمْ شَفَاعَتُهُمْ (سورة الأعراف: 130)

**Tafsirnya** : "Dan sesungguhnya kami telah menimpakan kepada Firaun dan kaumnya kemarau dan kekurangan buah-buahan, supaya mereka insaf mengambil pelajaran".

Terapi pengguna dan kaumnya itu, bukan akan insaf, malah lagi lantang mencabar : "Walau apa pun jua (jenis) keterangan yang engkau bawa kepada kami (wahai Musa) untuk menjayakan sifir mu kepada kami, namun kami sekali-kali tidak akan mempercayai mu". (Lihat Surah al-Araf, ayat 132).

Manakala semakin melampau pengguna dan kaum ini mencabar kekuasaan Allah dan menghina Rasul-Nya, lalu turunlah azab melalui tentera-tentera Allah, firman-Nya :

فَأَرَتْتُ عَلَيْهِمْ آثَارِيَّدِنَ وَأَنْجَرَادَ وَأَنْقَلَ وَأَنْشَادَ وَأَنْتَلَ (سورة الأعراف: 133)

**Tafsirnya** : "Lalu kami (Allah) pun menghantarkan kepada mereka taufan (ribut kencang), dan belalang dan kutu, dan katak dan darah, sebagai tanda dan bukti jelas (kekuasaan Allah), namun mereka tetap juga berlaku sompong dan jadi kaum yang derhaka".

Sila camkan bala tentera Allah itu bertindak :

**Taufan** : Bergerak untuk menghancur dan memusnahkan bangunan-bangunan dan lain-lain.

**Belalang** : Bergerak untuk memakan dan merosakkan segala tanaman, bayangkan jika belalang dalam jumlah jutaan ekor menyerang kebun menyerang ladang, apa akan jadi kepada kebun dan ladang itu? Nah, jika demikian itu halnya apakah yang boleh ditunggu dari kebun dan ladang seperti itu?

Pada awal tahun ini, kerajaan Pakistan menurut media, mengisyiharkan darurat, berikutan serangan-serangan belalang yang membawa kebimbangan binasanya tanam-tanaman dan sekali gus menjelaskan bahan pemakanan. Demikian juga berita, negara di Afrika Timur, Congo turut menjadi sasaran serangan belalang, sehingga Pertubuhan Makanan dan Pertanian (Food and Agriculture Organization)

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memberi amaran, sekiranya tidak ada tindakan diambil, bilangan belalang akan bertambah sehingga 400 kali ganda menjelang Jun ini.

**Kutu** : Dalam Bahasa Al-Quran "قتل" mungkin saja seperti yang kita panggil bangking atau pijat. Bayangkan kalau ratusan atau ribuan bangking ada dalam bantal, ada dalam baju dan ada dalam seluar, siapakah boleh tidur?

**Katak** : Menurut ulama, katak dalam ayat ini bertindak mengacau-bilaukan keadaan. Seseorang apabila dihidangkan makanan di hadapannya, baru hendak menjamah makanan itu, tiba-tiba makanan bertukar jadi katak, memenuhi pinggan dan mangkuk. Katak-katak hidup. Cuba bayangkan, siapakah yang tidak terkejut dengan kejadian seperti ini? Malah bukan setakat terkejut, bahkan mungkin membawa pengsan ataupun histeria.

**Darah** : Menurut ulama juga, darah dalam ayat ini berkeadaan, apabila seseorang hendak minum air, sebaik sahaja gelas dibawa ke mulut, tiba-tiba air dalam gelas itu bertukar jadi darah. Benar-benar darah. Dari asal air putih, jadi merah. Merah darah. Bayangkan, saudara! Siapakah yang tergamak untuk meminum darah? Semua orang jijik darah, jika diminum pasti muntah.

Nah, nampak kita, cara Allah memilih dan mengarah tentera-tentera-Nya untuk menghukum kaum yang zalim di kalangan para hamba-Nya.

Saudara-saudara yang saya hormati.

Sekarang, kita melihat pula kepada pasukan tentera Allah yang lain lagi. Tadi kita sudah menyebut pasukan itu terdiri dari burung, belalang, kutu, katak dan darah. Sekarang pasukan lain pula, apa ia? Iaitulah pasukan yang bernama 'VIRUS'.

Apa itu virus? Dalam kamus menyebut : Virus ialah hidupan yang amat seni amat halus, yang menyebabkan dan menularkan penyakit. Itulah virus.

Sekarang, virus inilah yang sedang menyerang dunia. Namanya ialah Coronavirus. Inilah tentera Allah terbaru, yang tidak syak lagi, telah dihantar ke seluruh dunia untuk memberi pengajaran atau hukuman kepada umat manusia.

Adakah saya bercakap kosong? Demi Allah tidak! Berdalil kepada berita Al-Quran : Bahawa burung ababil, belalang, kutu, katak dan darah sudah sabit menjadi tentera Allah Ta'alā untuk mengajar para hamba-Nya, mengapa virus tidak? Allah Maha Berkusa, Allah Maha Berkehendak, sekalian kita, sekalian makhluk ini adalah di bawah kendalian-Nya.

Atas nama ia penyakit, atas nama ia wabak, adalah tidak salah kalau kita berubat, mencari ubatnya, melawannya, memeranginya, ayuh, mari kita berikhtiar mengatasinya. Dengan memakai topeng muka, menggunakan hand sanitizer dan lain-lain sebagainya. Tidak salah.

Tetapi bukan menggunakan peralatan perang, untuk tujuan melawan dan memerangi tentera Allah Subhanahu Wata'ala yang bernama Coronavirus ini. Tidak mungkin. Peluru tidak jalan. Kereta kebal tidak jalan. Kapal perang tidak jalan. Jet-jet pejuang tidak jalan. Tidak jalan.

Tetapi apa saja senjata dan sekali gus ubat yang boleh digunakan itu?

Jawabnya : Usaha dan doa jua.

Nabi memberitahu tiap-tiap penyakit ada ubat atau penawarnya. Maka usahakanlah ubat dan carilah untuk berubat itu, usahakan, kita usahakan.

Di antara satu ubat, ubat ketuhanan, ialah dengan bersedekah. Banyakkan sedekah, sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam :

ذَوْلُ مُرْضَاهُمْ بِالصَّدَقَةِ أَوْ كَمَا قَالَ (حدیث رواية البهجهي) (12-10)

**Tafsirnya** : "Pohonkanlah ampuan kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia itu amat Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian) Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah kepada kamu. Dan Dia juga akan memberikan kepada kamu banyak harta kekayaan serta anak pinak, dan akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun serta sungai-sungai (yang mengalir air di dalamnya)".

Ertinya, dengan istighfar semua hajat akan tercapai.

Nah untuk itu, bagi melawan atau menolak serta insyaaAllah menyembuhkan penyakit CORONAVIRUS, marilah kita sama-sama membanyakkan membaca istighfar sebagai doa.

Lafaz ringkas istighfar :

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

**Ertinya** : "Aku memohon keampunan Allah".

Lafaz yang panjang :

**Ertinya** : "Aku memohon keampunan Allah Yang Maha Agung yang tiada Tuhan melainkan Dia Yang Maha Hidup Berdiri Sendiri-Nya dan aku bertaubat kepada-Nya".

Doa-doa yang lain boleh kita pakai juga, seperti doa yang warid, pendek saja :

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَعْلَمُ بِعَيْنِي شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالشَّعْرُ الْمُلْكِيُّ

**Ertinya** : "Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya itu tidak ada satupun yang dapat memberi mudarat (apa jua benda) di bumi mahupun di langit. Dialah Yang Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui".

Cantik dan padat doa ini. Diminta kita membacanya pagi dan petang. Menurut riwayat, siapa yang membaca 3 kali pagi, maka sepanjang siang, dia tidak akan ditimpah mudarat. Dan membaca 3 kali petang, maka sepanjang malam membawa ke subuh dia akan terlepas dari mudarat.

Mengapa kita tidak berkubu dengan doa ini?

Paling mustahak juga diingat, supaya kita tetap berdamping dengan Al-Quran. Jangan sekali-kali pinggirkan Al-Quran. Tidak banyak, sedikit baca. Sekurang-kurangnya jangan tercicir yang pendek-pendek. Yang pendek-pendek pun fadilatnya hebat. Apa contoh yang pendek itu?

Siapa yang membaca pada pagi dan petang : tiga kali, tiga kali pinggiran Al-Quran. Tidak banyak, sedikit baca. Sekurang-kurangnya jangan tercicir yang pendek-pendek. Yang pendek-pendek pun fadilatnya hebat. Apa contoh yang pendek itu?

Ulama besar Hasan al-Basri Rahimahullah ditanya orang :

قَلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ، قَلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ،

akan jadi kubu baginya. Dia akan selamat insyaaAllah.

Terhindar dari perkara-perkara yang tidak diingini. Ini Nabi kita yang ajar, dan Baginda sendiri, sebaik-baik sahaja turun tiga surah ini, Baginda tidak pernah lagi tinggal dari membacanya, dengan maksud berkubu dengannya.

Ayat Al-Quran juga jangan lupa adalah ubat penawar, berfirman Allah :

وَنَذَّلَ مِنَ الْقُرْآنِ مَا مُوْسِيَةً وَرَحْمَةً لِلْمُعْمَلِينَ (سورة الإسراء: 82)

**Tafsirnya** : "Dan Kami turunkan dari Al-Quran itu ayat-ayat yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Begitu saudara, kita orang Islam masih ada jalan, masih ada ikhtiar dengan arahan-arahan, dengan saranan-saranan, dengan petunjuk-petunjuk ketuhanan, marilah sama-sama kita menghayatinya.

Sekian saja.  
Wabillahit Taufik Walhidayah  
Wassalamu Alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

# Bagaimana menghadapi wabak COVID-19?

## KELUARAN KEDUA

### 7. Mendoakan kesihatan orang yang ditimpah wabak

**TIDAK** dikira sempurna iman seseorang itu kepada Allah Subhanahu Wata'ala melainkan jika dia mengasihi saudara Islamnya yang lain tanpa ada perasaan dengki, marah dan benci. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Anas Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga dia menyayangi saudaranya sebagaimana dia menyayangi dirinya sendiri".

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyebutkan perumpamaan bagi orang Islam sesama orang Islam lain yang saling menyayangi seperti satu jasad yang mana jika salah satu anggota tubuh mereka sakit, maka seluruh anggota yang lainnya turut merasa sakit. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Nu'man bin Basyr Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Perumpamaan orang-orang yang beriman dalam belas kasihan mereka, kasih sayang mereka dan kelembutan mereka adalah seperti satu jasad (tubuh badan), apabila salah satu anggota tubuh merasa sakit, maka seluruh tubuh akan turut merasa sakit, tidak dapat tidur dan merasa demam".

(Hadis riwayat Muslim)

Antara bentuk kasih sayangnya adalah dengan mendoakan kebaikan dan kesejahteraan bagi saudaranya sesama Islam.

Orang Islam digalakkan untuk berdoa kepada saudara Islam yang lain, selain berdoa untuk dirinya sendiri. Malahan mendoakan saudaranya ketika dia tiada bersamanya adalah lebih baik, bahkan mustajab doa tersebut.

Diriwayatkan dari Abu ad-Darda' Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Doa seorang Islam kepada saudara Islamnya secara ghaib (tanpa pengetahuan saudaranya) adalah mustajab (diterima), di sisinya ada malaikat yang diutus Allah. Setiap kali dia mendoakan saudara Islamnya dengan doa yang baik, berkatalah malaikat itu, amin!, engkau juga beroleh manfaat yang sama".

(Hadis riwayat Muslim)

Bagi orang bukan Islam pula, tidak harus mendoakan mereka agar beroleh keampunan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Akan tetapi harus mendoakan mereka supaya mendapat hidayah, sihat tubuh badan dan apa-apa yang selayak boleh disebut untuk mereka seperti beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, berdoa bagi kesembuhan orang yang ditimpah atau dijangkiti penyakit, sama ada penyakit biasa atau wabak, adalah disunatkan.

Antara doa memohon kesembuhan dan keafiatan yang boleh dibaca :

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيَكَ

**Ertinya** : "Aku memohon kepada Allah Yang Maha Agung, Tuhan yang memiliki 'Arasy yang agung, semoga Dia menyembuhkan mu".

Atau boleh dibaca :

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ، مَدْحُوتُ التَّأْسِ، إِسْفَنْدُ أَنْتَ الشَّانِي، لَا شَانِي لَا أَنْتَ شَفَاءٌ لَا يَعْدِرُ سُقُمًا

**Ertinya** : "Ya Allah! Tuhan (Yang Memelihara) manusia, yang menghilangkan kesusahan (sakit), sembuhkanlah. Engkau yang Menyembuhkan, tidak ada yang dapat menyembuhkan kecuali Engkau. Sembuh yang tidak meninggalkan penyakit yang lain".

Khusus bagi orang yang ditimpah penyakit berjangkit yang berbahaya seperti pesakit yang dijangkiti COVID-19 ini, doa dan sokongan moral sangat diperlukan dari saudara mara, sahabat handai maupun orang ramai bagi menguatkan perjuangan

mereka untuk sembuh.

Seperkara lagi, dalam sama-sama menghadapi cabaran penularan COVID-19 ini, sewajarnya ahli masyarakat memelihara lidah dan tangan dari mengeluarkan atau menulis perkataan yang boleh menynggung perasaan orang lain, lebih-lebih lagi terhadap pesakit yang dijangkiti. Elakkan dari melakukan perbuatan atau mengeluarkan perkataan yang saling salah menyalahkan, mencaci, menyumpah, memaki hamun, mengabik dan lain-lain perbuatan atau perkataan keji. Ini kerana perbuatan dan perkataan seumpama ini boleh menimbulkan marah dan kebencian dalam masyarakat, bahkan membawa kepada perpecahan dan kekacauan.

### 8. Membudaya sikap bersih dan menjaga kebersihan

Agama Islam mementingkan perkara kebersihan dan kesihatan. Bagi seorang Islam, menjaga kesucian dan kebersihan itu merupakan kewajipan syarak. Dalam Tafsir al-Qurthubi disebutkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala memberikan pujian kepada sesiapa yang suka menyuci diri dan menjaga kebersihan sebagaimana firman-Nya :

**Tafsirnya** : "... Dan Allah mengasih orang-orang yang suka membersihkan diri".

(Surah at-Taubah : 108)

Mengelakkan tahap kebersihan yang tinggi adalah antara langkah pencegahan penularan jangkitan penyakit yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan sentiasa mengamalkan cara hidup sihat.

Dalam Islam, terdapat beberapa tuntutan yang berkaitan dengan kebersihan yang dapat dijadikan amalan dan panduan bagi memelihara diri dan orang sekeliling daripada dijangkiti wabak dan seterusnya mencegah dan mengawal penularannya. Antaranya :

(i) Sentiasa dalam keadaan berwuduk

Bagi seorang Islam, satu amalan yang boleh dipraktikkan dalam langkah menjaga kebersihan diri ialah dengan berwuduk. Wuduk dari segi bahasa bermaksud bagus, dan bersih dari kotoran atau najis. Manakala dari segi syarak pula bermaksud membasuh dan menyapu anggota tertentu dengan niat tertentu.

Berwuduk untuk sembahyang merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-M'a'idah ayat 6. Pelaksanaannya sebelum melakukan sembahyang adalah dari konteks تَعْبُدِي ta'abbudi (sebagai ibadah). Namun mengamalkan diri supaya sentiasa berada dalam keadaan berwuduk itu hukumnya adalah sunat.

Al-Khatib asy-Syarbini Rahimahullah dan as-Sayyid al-Bakri Rahimahullah menyebutkan bahawa mengamalkan diri berwuduk atau amalan mengekalkan wuduk mendatangkan manfaat kepada orang yang sentiasa mengamalkannya antaranya meluaskan rezekinya, disukai oleh malaikat-malaikat Hafazhah, menjadi benteng (pendinding) dan juga memelihara dirinya daripada melakukan perkara atau perbuatan maksiat.

Manakala dari perspektif kesihatan khususnya dalam usaha menjaga kebersihan berikut penularan wabak melalui batuk, bersin maupun sentuhan, maka amalan berwuduk boleh dipraktikkan. Ini kerana anggota-anggota rukun dan sunat wuduk seperti mulut, hidung dan tangan termasuk dalam anggota tubuh badan yang perlu sentiasa dalam keadaan bersih. Selain itu penggunaan air mutlak iaitu air suci lagi menyuci kan ketika membersihkan najis. Oleh itu, mengambil wuduk adalah selaras dengan apa disarankan dalam usaha menangani jangkitan wabak.

(ii) Menjaga adab bersin

Dalam kitab Fath al-Bari syarh al-Bukhari dan kitab Tuhfah al-Ahwadzi syarh at-Tirmidzi disebutkan adab-adab ketika bersin yang dituntut Islam berdasarkan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antaranya :

i. Sunat bagi orang yang hendak bersin menutup mulutnya sama ada dengan meletakkan tangan atau pakaian ke arah mukanya.

ii. Sunat merendahkan suaranya ketika bersin.

Kedua-dua adab di atas adalah sebagai mencontoh perbuatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya :

**Maksudnya** : "Bahwasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam apabila bersin menutup muka Baginda dengan tangan atau pakaian Baginda dan merendahkan suaranya ketika bersin".

(Hadir riwayat at-Tirmidzi)

Selain dari menutup mulut dan hidung, sugia tidak menoleh ke kanan dan ke kiri ketika bersin bagi mengelak kesannya dari terkena pada orang lain. Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani Rahimahullah menyebutkan antara adab orang yang bersin adalah merendahkan suaranya ketika bersin dan menyaringkan menyebut hamdalah (الحمد لله), menutup muka agar tidak keluar dari mulutnya atau hidungnya apa-apa yang membahayakan orang yang bersamanya dan tidak memusing lehernya ke kanan dan ke kiri agar tidak memudaratkan dengan yang demikian.

Menurut Ibnu al-'Arabi Rahimahullah, adapun hikmah bagi tuntutan merendahkan suara ketika bersin itu kerana dengan melepaskan bersin secara kuat akan menyebabkan anggota badan yang lain terasa gegaran (yang menyulitkan). Manakala hikmah menutup muka dan tidak menoleh ke kanan dan ke kiri ketika bersin itu pula untuk menjaga kebaikan kepada orang di sebelahnya atau yang berdekatan dengannya.

Dalam Islam, adab-adab bersin dituntut tidak kira bagi orang yang mengalami sakit atau tidak. Ini kerana adab-adab itu mengandungi kebaikan dari segi pencegahan berlaku mudarat sebagaimana yang dijelaskan di atas.

Berdasarkan sebab menutup muka (terutama bahagian hidung dan mulut) ketika bersin berkait dengan pencegahan berlaku mudarat, maka demikian juga adab yang boleh dipraktikkan ketika batuk. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh pakar kesihatan, antaranya Coronavirus Research Centre Harvard Medical School bahawa wabak COVID-19 boleh disebarluaskan kepada seseorang yang lain melalui titisan yang dihasilkan apabila seseorang yang sudah dijangkiti wabak itu batuk atau bersin lantas terkena pada mulut atau hidung orang yang berdekatan.

Kerana itu sebagai langkah pencegahan penularan penyakit berjangkit, Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam menyarankan untuk mengamalkan etika batuk dan bersin. Antaranya, memalingkan muka daripada orang lain dan makanan yang berdekatan ketika hendak batuk atau bersin, menutup mulut dan hidung dengan tisu ketika batuk atau bersin lantas membuang tisu tersebut dengan segera ke dalam tong sampah yang tertutup, mengelakkannya daripada menyentuh mata, hidung dan mulut dan sekiranya seseorang itu mengalami demam, batuk dan selesema, hendaklah menjarakkan diri sekurang-kurangnya satu meter dari orang lain atau menggunakan penutup mulut dan hidung untuk melindungi orang sekeliling.

(iii) Pemilihan dan penyediaan makanan yang halal, bersih dan berkhasiat.

Amalan atau sikap memilih makanan yang halal lagi baik (bersih, selamat, berkhasiat dan menyelerakan) merupakan suruhan agama. Dalam Islam, larangan memakan yang haram tidak terbatas kepada daging babi atau bangkai binatang yang tidak disembelih.

Pemilihan makanan halal juga dilihat pada kandungan bahan makanan. Sebagai contoh makanan yang mengandungi ekstrak daripada serangga. Maka ia dihukumkan najis dan haram dimakan. Ini kerana serangga adalah termasuk dalam sesuatu yang dianggap buruk dan menjijikkan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala :

**Tafsirnya** : "...dan dia (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) menghalalkan bagi mereka yang baik-baik dan mengharlamkan ke atas mereka (segala)

(Hadis riwayat Muslim)

**إِرْسَادُ حُكْمٍ**

**IRSYAD HUKUM**

جَنَاحَاتِ مُفْتَنٍ كَلْجَانَ

جَانِ فَرَجَانِ مُسْتَعِنٍ كَلْجَانِ

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)  
E-mail : [mufti@brunet.bn](mailto:mufti@brunet.bn) - [fatwa@brunet.bn](mailto:fatwa@brunet.bn)

yang buruk..."

(Surah al-Araf : 157)

Hikmah memakan makanan yang halal juga antaranya menjadi penawar atau ubat kerana Imam asy-Syafi'e Rahimahullah pernah berkata kepada Imam Ahmad Rahimahullah :

"Wahai Ahmad! Adapun aku makan banyak, kerana aku tahu makanan mu adalah dari yang halal. Dan sesungguhnya engkau juga seorang pemurah, makanan orang pemurah adalah ubat, sedang makanan orang bakhil pula racun atau penyakit. Aku tidak makan (hanya) untuk kenyang, tetapi aku makan (juga) untuk berubat dengan makanan mu itu, wahai Ahmad! Supaya aku sembah (sihat), kerana makanan mu dari yang halal..." .

Selain pemilihan makanan halal, cara penyediaan makanan juga perlu dilihat aspek kebersihannya. Sebagai contoh membuang atau membersihkan isi perut ikan yang besar kerana isi perutnya adalah najis dan haram dimakan. Begitu juga dalam penyediaan daging yang terkena najis, maka ia hendaklah dibersihkan dahulu sebelum dimasak dengan mencurah, menjirus atau menuangkan air yang suci ke atasnya sehingga najis itu hilang.

Selain itu perlu diambil perhatian khusus dalam perkara penyediaan makanan ini, saranan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam kepada orang ramai untuk mengelak daripada memakan daging atau telur yang tidak masak atau tidak dimasak dengan sempurna juga tidak boleh diabaikan. Ini kerana ia bersangkutan dengan perkara kebersihan bagi mengelak sesuatu yang mudarat kerana memakan makanan yang tidak masak atau tidak sempurna dimasak. Orang ramai juga disarankan untuk memperbanyak minum air dan makan makanan berkhasiat sebagai langkah penjagaan kesihatan.

(iv) Tutup segala bejana dan tempat minuman.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sahaja menekankan tentang kehalalan makanan dan minuman, malahan juga memastikan kebersihan makanan dan minuman. Antaranya dengan memastikan tempat menyimpan makanan atau minuman ditutup agar tidak tercemar oleh apa-apa pun termasuk wabak.

Diriwayatkan oleh Jabir bin Abdulla Radiallahuanhu, beliau berkata :

**Maksudnya** : "Aku pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Kamu tutuplah bejana, dan kamu ikatlah tempat air minum, kerana sesungguhnya dalam setahun ada suatu malam turunnya wabak. Tidak melewati (wabak itu) bejana yang tidak ada penutup, atau tempat air yang tidak ada pengikat, melainkan hinggap padanya wabak itu".

(Hadis riwayat Muslim)

Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah, para ulama menyebutkan bahawa anjuran menutup (tempat menyimpan makanan atau minuman) itu banyak faedahnya. Antaranya :

- 1) Menjaga makanan daripada (disentuh) syaitan kerana syaitan tidak membuka dan masuk ke dalamnya.
- 2) Menjaga dari terkena wabak yang turun pada satu malam dalam setahun.

# Menyemarakkan bulan Syaaban

منجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلوان فوسة دعوه اسلاميه

**D**ALAM sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al Imam Abu Daud, daripada Aisyah Radiallahuanha bermaksud :

"Bulan yang paling dicintai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan berpuasa di dalam bulan Syaaban kemudian

meneruskannya di dalam bulan Ramadan".

Kini kita berada pada bulan Syaaban. Bulan sebelum Ramadan tiba dan di bulan ini juga kita membiasakan dan mempersiapkan diri bagi menuaikan kewajipan berpuasa dalam bulan Ramadan. Bagi mereka yang sudah biasa berpuasa sunat pada bulan Syaaban atau bulan-bulan yang sebelumnya tentu mereka itu berasa mudah dan ringan untuk mengerjakan ibadah puasa pada bulan Ramadan. Oleh itu, perlu diingat jika kita masih mempunyai puasa Ramadan yang belum di qada, maka tunaikanlah puasa itu semasa kita masih ada waktu sebelum tibanya bulan Ramadan.

**"SESUNGGUHNYA orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, sesungguhnya Kami tidak mensia-siakan pahala sesiapa yang memperbaiki amalannya".**

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mencontohi apa yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan puasa sunat, membaca Al-Quran, berdoa, berzikir, bertaubat, beristighfar, bersedekah dan seumpamanya. Di samping mengerjakan amal ibadat dan kebajikan, ia juga merupakan suatu latihan rohani bagi mempersiapkan diri menyambut dan mengagungkan bulan Ramadan Al-Mubarak. Amat digalakkan memperbanyakkan doa pada malam Nisfu Syaaban kerana di dalamnya terdapat kerahmatan dan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ini berdasarkan pada hadis riwayat Imam al-Baihaqi, daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda yang bermaksud :

"(Rahmat) Allah Subhanahu Wata'ala turun ke bumi pada malam Nisfu Syaaban. Dia akan mengampuni segala sesuatu kecuali dosa musyrik dan orang yang di dalam hatinya tersimpan kebencian (kemunafikan)".

Ketahuilah perbuatan melengah-lengahkan qada puasa tanpa keuzuran sehingga datang bulan Ramadan yang

berikutnya adalah berdosa dan diwajibkan ke atasnya mengqadakan puasa tersebut dan membayar fidyah. Oleh itu, janganlah dilengah-lengahkan lagi qada puasa sehingga datangnya Ramadhan yang baharu.

Melihat betapa besarnya kelebihan dan keistimewaan yang terdapat di bulan Syaaban ini, maka sewajarnya kita merebut peluang ini dengan sebaik-baiknya, jangan kerana sibuk dengan urusan dunia seperti kerja pejabat, sekolah, keluarga dan sebagainya, menyebabkan kita larai dan leka sehingga tidak berpeluang merebut keistimewaan pada bulan Syaaban ini. Bersempena kita masih berada pada bulan Syaaban ini berusahalah meningkatkan amal ibadah dan kebajikan pada bulan Syaaban yang mulia ini semata-mata untuk mendapatkan berkat, rahmat dan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, sesungguhnya Kami tidak mensia-siakan pahala sesiapa yang memperbaiki amalannya".

Surah Al-Kahfi 30

# Bagaimana menghadapi wabak COVID-19?

Dari muka 12

3) Memelihara daripada najis dan kekotoran.

4) Memelihara dari (didatangi) serangga dan cacing. Ini kerana boleh saja ada sesuatu yang terjatuh ke dalam minuman dan apabila dia minum dalam keadaan dia lupa atau minum pada waktu malam lalu memudaratkannya.

## 9. Mematuhi arahan dan nasihat daripada pihak berautoriti

Dalam menangani penularan wabak serta memelihara keselamatan diri dan orang lain, hendaklah sentiasa mematuhi segala arahan dan nasihat dari pihak yang berkuasa dan berautoriti. Segala arahan serta nasihat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak yang berkuasa dan berautoriti hendaklah dipatuhi atas dasar mentaati Ulil Amri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala :

**Tafsirnya :** "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu".

(Surah an-Nisa : 59)

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Wajib atas seorang Islam untuk mendengar dan taat (kepada para penguasa) sama ada pada perkara yang disukai atau tidak disukai, kecuali jika dia diperintahkan untuk melakukan kemaksiatan. Jika dia diperintahkan untuk melakukan kemaksiatan, maka tidaklah (wajib) dia mendengar dan tidaklah (wajib) dia mentaati".

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut ijmak, mentaati perintah Ulil Amri dalam semua perkara, selain perkara-perkara maksiat, adalah wajib. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menjasikan ketenteraman dan kesejahteraan dalam sesebuah negara.

Dalam usaha untuk mencegah dan mengawal penularan wabak COVID-19 ini, pihak yang berkuasa dan berautoriti telah mengeluarkan beberapa panduan

yang berupa nasihat dan arahan tentang langkah-langkah yang perlu dipatuhi bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua. Antara panduan tersebut adalah :

(i) Mengelakkan daripada berada di tempat tumpuan ramai jika tidak sihat. Jika tidak dapat dielakkan maka hendaklah menggunakan penutup hidung dan mulut (*face mask*).

(ii) Jangan menziarahi pesakit atau saudara mara yang berada di hospital sekiranya merasa kurang sihat atau mempunyai tanda-tanda jangkitan.

(iii) Mengelakkan daripada berada di hospital atau tempat-tempat di mana penyiasatan kontak sedang dilakukan bagi mengelakkan kesesakan dan melindungi diri sendiri dari terdedah kepada jangkitan, terutamanya bagi mereka yang tidak ada keperluan untuk berada di tempat tersebut.

(iv) Segera melaporkan atau mendaftarkan diri untuk mendapatkan pemeriksaan sekiranya dikehendaki oleh pihak yang berautoriti untuk menjalani pemeriksaan kesihatan (*medical examination*) ataupun rawatan perubatan sama ada di hospital atau mana-mana tempat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan.

(v) Ditegah keluar negara kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu seperti mendapatkan rawatan perubatan yang mendesak, menghadiri perbicaraan mahkamah atau menyambung sesi pengajian di luar negara. Ini adalah tertakluk kepada kebenaran Jabatan Perdana Menteri.

(vi) Mematuhi dasar-dasar serta arahan untuk menjalani kuarantin dan *self isolation* (pengasingan diri).

(vii) Bersikap bertanggungjawab jika menghadapi tanda-tanda jangkitan pernafasan dengan segera mendapatkan rawatan dan berehat di rumah serta mengelakkan daripada mengunjungi tempat-tempat awam dan menghadiri acara-acara keramaian.

Adalah menjadi kewajipan orang ramai supaya sentiasa menanamkan sikap bertanggungjawab dalam sama-sama berusaha mencegah dan mengawal penularan wabak COVID-19 ini. Jika orang

ramai kurang peka atau mengabaikan arahan serta nasihat pihak-pihak yang memiliki kepakaran dan berautoriti, pastinya ini akan menjasikan segala usaha pihak berkenaan untuk mencegah dan mengawalnya.

Maka dari itu, orang ramai hendaklah sentiasa peka tentang situasi terkini wabak COVID-19 ini dan mengenal pasti segala arahan serta nasihat terkini yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak yang berkuasa dan berautoriti dan hendaklah sentiasa mematuhi untuk kebaikan bersama.

## Kesimpulan

Panduan yang digariskan oleh Islam dalam menghadapi wabak merupakan panduan yang mengambil kira seluruh aspek dan merangkumi pemeliharaan menyeluruh terhadap individu, masyarakat, persekitaran dan lainnya. Bahkan lebih daripada itu, ia tidak membelakangkan nilai-nilai akidah dan akhlak. Ia tetap valid dan sesuai dijadikan sebagai amalan menangani penularan wabak sampai bila-bila. Ini terbukti dengan keselarasan yang terdapat antara panduan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkepakaran dengan panduan yang telah digariskan oleh Islam sejak berkurni lagi.

Maka dari itu patuhilah segala panduan yang diajarkan Islam dalam menghadapi wabak dengan menanamkan sepenuh keyakinan kepada qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala dan sentiasa meyakini bahawa panduan serta ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala adalah yang terbaik.

Satu perkara penting yang perlu diperingkat ketika menghadapi wabak ini ialah sikap bertolak ansur dan jangan sekali-kali mementingkan diri. Ini kerana sikap mementingkan diri dalam situasi seumpama ini, bukan sahaja akan memudarangkan orang lain, bahkan lambat laun kemudaratan itu akan kembali kepada diri sendiri juga.

Tindakan seseorang yang mendedahkan diri kepada bahaya dan kemudaratan, contohnya orang yang sengaja melanggar panduan Islam atau pihak berkuasa dalam menangani wabak juga satu perbuatan yang tidak wajar serta bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Perbuatan ini adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab kerana perbuatan tersebut bukan sahaja boleh membahayakan diri bahkan boleh mencetuskan kemudaratan kepada orang lain.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala :

**Tafsirnya :** "Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi (dengan syirik dan maksiat) sesudah (Allah) memperbaikinya (dengan mengutus rasul-rasul dan menetapkan syariat-Nya)".

(Surah al-A'araf : 56)

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman lagi :

**Tafsirnya :** "...Dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan".

(Surah al-Baqarah : 195)

**"WAJIB atas seorang Islam untuk mendengar dan taat (kepada para penguasa) sama ada pada perkara yang disukai atau tidak disukai, kecuali jika dia diperintahkan untuk melakukan kemaksiatan. Jika dia diperintahkan untuk melakukan kemaksiatan, maka tidaklah (wajib) dia mendengar dan tidaklah (wajib) dia mentaati".**



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN  
YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA SAHAJA**

**TARIKH IKLAN : 1 APRIL 2020. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 APRIL 2020. BILANGAN IKLAN : 21 / 2020 (SPA / BIKL)**

**PERATURAN 38(b) - LUAR BIDANG KUASA  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**Syarat-Syarat Am :**

- A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- C) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- D) Cara permohonan – Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

**1. PEGAWAI UGAMA KANAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
KUMPULAN 2 (BND5,400.00 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM :**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 tidak kurang dari tiga tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari tujuh tahun.

3. Hendaklah terlebih dahulu menyediakan dua

kertas kerja yang asli (*original*) yang memuaskan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut, dalam dua daripada bidang-bidang berikut sebagai satu penilaian kenaikan pangkat :

- i. Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam.
- ii. Kertas Kedudukan Pendirian Negara (*position paper*) bagi mesyuarat di luar negara.
- iii. Kertas Penggubalan / Penelitian Dasar berkaitan dengan bidang ekonomi / pendidikan / politik.
- iv. Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di

**NOTA :**  
Iklan adalah dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama sahaaja.

Tarikh Iklan :  
**1 APRIL 2020**

Tarikh Tutup :  
**15 APRIL 2020**

Tempat menghantar Borang Permohonan :  
**SEKSYEN PENGAMBILAN  
DAN KEANGGOTAAN  
TINGKAT 3  
BANGUNAN KEMENTERIAN  
HAL EHWAL UGAMA  
JALAN DEWAN MAJLIS, BB3910  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**

1. Membantu Setiausaha Majlis Ugama Islam dalam pentadbiran Majlis Ugama Islam Brunei.

2. Membantu Setiausaha Majlis Ugama Islam dalam memikir dan menyediakan rang cadangan untuk dipertimbangkan dalam Persidangan Majlis Ugama Islam mengenai dasar keagamaan yang berkaitan Aqidah, Syariah dan Akhlak.

3. Membantu Setiausaha Majlis Ugama Islam melaksanakan kehendak Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dan akta-akta yang berkaitan dengan Majlis Ugama Islam.

4. Membantu Setiausaha Majlis Ugama Islam melaksanakan dasar dan keputusan yang telah dibuat dan diluluskan oleh Majlis Ugama Islam.

5. Membantu Setiausaha Majlis Ugama Islam mengawal perjalanan kutipan zakat dan pengagihannya kepada asnaf yang berhak.

6. Membantu Setiausaha Majlis Ugama Islam mengawal dan mengurus harta zakat serta perakaunannya.

**PEMBERITAHUAN :**

1. Penggunaan Borang SPA/1
  - a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.

b. Borang SPA/1 boleh didapat di laman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ([www.spa.gov.bn](http://www.spa.gov.bn)) klik 'Muat Turun' kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

c. Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.

d. Pemohon hendaklah menyertakan satu keping gambar terkini berukuran pasport.

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
3. Permohonan yang lewat **tidak akan dilayan**.

7. Membantu Setiausaha Majlis Ugama Islam mengawal dan mengurus harta-harta Baitulmal termasuk harta wakaf.

8. Membuat perancangan mengenai pelaksanaan kutipan dan agihan zakat yang lebih berkesan dan sempurna.

9. Membuat perancangan mengenai pengembangan harta Baitulmal dan harta-harta wakaf untuk dimanfaatkan kepada umat Islam di Negara ini.

10. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam dari semasa ke semasa.



**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**



**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG YANG  
BERDAFTAR  
DI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

Tarikh buka tawaran pada :  
**1 April 2020, Rabu**

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen  
Tawaran :  
**21 April 2020, Selasa**

Tarikh tutup pada :  
**28 April 2020, Selasa**  
sebelum jam 2.00 Petang.

**JASTRE / BL / T007 / 2020**

**MAINTENANCE OF LANDSCAPE AT  
TAMAN MAHKOTA JUBLI EMAS,  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
FOR A PERIOD OF (01) YEAR**

NO. PROJEK :  
JASTRE / BL / T007 / 2020

**JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**JASTRE / BL / T008 / 2020  
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN  
DI LEBUHRAYA SULTAN HAJI  
HASSANAL BOLKIAH,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

NO. PROJEK :  
JASTRE / BL / T008 / 2020

JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND30.00 (tidak dikembalikan)

**JASTRE / TEMB / T009 / 2020**

**KERJA-KERJA PEMELIHARAAN  
DAN PENYELENGGARAAN  
LANDSKAP PEKAN BANGAR  
DAN KAWASAN BERDEKATAN  
DAERAH TEMBURONG  
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

NO. PROJEK :  
JASTRE / TEMB / T009 / 2020

JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND30.00 (tidak dikembalikan)

**JASTRE / BTR / T010 / 2020**

**PEMELIHARAAN LANDSKAP  
DAN PENYELENGGARAAN  
KEMUDAHAN DI TAMAN  
REKREASI MENTERI BESAR  
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

NO. PROJEK :  
JASTRE / BTR / T010 / 2020

JUMLAH YURAN TAWARAN :  
BND30.00 (tidak dikembalikan)



**KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA**

**BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP / 164 / 333 / 2019**

**TAJUK :  
REPAIR WORKS AT TANAH  
PERKUBURAN ISLAM TUNJUK  
LANGIT, KG. LUMAPAS,  
DAERAH BRUNEI DAN MUARA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP :  
RABU, 22 APRIL 2020, 2.00 PETANG**

**YURAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN**



**KEMENTERIAN  
PERTAHANAN**



**TAWARAN NO. :  
JPPK / LTN / 11 / 2020**

**GENERAL MAINTENANCE REPAIR  
WORKS AT GALLERY 1,  
BINTURAN SHOOTING RANGES,  
PENANJONG GARRISON**

**BAYARAN TAWARAN :  
BND10.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP :  
SELASA, 21 APRIL 2020  
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG.**


**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

1. UNISSA / SB0040 / 2019 / 2020 - MEMBEKAL PEKERJA (BURUH) BAGI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) SELAMA SATU (1) TAHUN
2. UNISSA / SB0041 / 2019 / 2020 - MEMBEKAL PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BAGI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) SELAMA SATU (1) TAHUN
3. UNISSA / SB0042 / 2019 / 2020 - ONE (1) YEAR RENTAL OF UP TO 26 UNITS OF PHOTOCOPY MACHINES FOR UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)



**TARIKH TUTUP :**  
RABU, 8 APRIL 2020, JAM 2.00 PETANG


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA KATEGORI : KA01 SAHAJA - (KOD BAHARU)

**TARIKH TUTUP :**  
SELASA, 28 APRIL 2020  
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN :**  
JKR / DBSKB 005 / 2020

**NAMA PROJEK :**  
KONTRAK PENGGAL  
BAGI PEMELIHARAAN  
BEKALAN AIR BAGI  
KAWASAN LABI  
DAN PEDALAMAN  
SELAMA 3 TAHUN



**NO. PROJEK :**  
2020ADKB / B00411 / 002-002-002  
**YURAN TAWARAN :** BND30.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV & V SAHAJA KATEGORI : B01 SAHAJA - (KOD BAHARU)

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
28 APRIL 2020 (SELASA)  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN :**  
JKR / DTS / 26 / CQS / 2020 - T/II

**NAMA PROJEK :**  
PROJEK BANTUAN PERUMAHAN  
BAGI GOLONGAN DAIF, FAKIR DAN  
MISKIN YANG DILULUSKAN OLEH  
JAWATANKUASA MENGELOLUARKAN  
WANG ZAKAT BAGI AWG DRAMAN  
BIN MAIL (50-037963-K)

**NO. PROJEK :**  
JKR / DTS / WZ / 10 / 2019-BM

**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



**YURAN TAWARAN :**  
BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**KATEGORI :** B01 SAHAJA - (KOD BAHARU)

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
28 APRIL 2020 (SELASA)  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN :**  
JKR / DTS / 26 / CQS / 2020 - T/II

**NAMA PROJEK :**  
PROJEK BANTUAN PERUMAHAN  
BAGI GOLONGAN DAIF, FAKIR DAN  
MISKIN YANG DILULUSKAN OLEH  
JAWATANKUASA MENGELOLUARKAN  
WANG ZAKAT BAGI AWG DRAMAN  
BIN MAIL (50-037963-K)

**NO. PROJEK :**  
JKR / DTS / WZ / 10 / 2019-BM

**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**TAWARAN NO. :**  
JPPK / LTN / 03 / 2020

**FIVE (5) YEARS TERM CONTRACT FOR THE FACILITIES MANAGEMENT AND MAINTENANCE OF BOLKIAH GARRISON AND ASSOCIATED FACILITIES, ROYAL BRUNEI ARMED FORCES, MINISTRY OF DEFENCE**

**BAYARAN TAWARAN**  
(tidak dikembalikan) :  
BND1,000.00 - Yuran Tawaran  
BND5.00 - E-Dokumen  
Jumlah : BND1,005.00

**DOKUMEN 'MINISTRY OF DEFENCE : STANDARD SCHEDULE OF RATES (MINDEF SOR) 2019 EDITION'**  
(tidak dikembalikan) :  
BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)



**TARIKH TUTUP :**  
SELASA, 28 APRIL 2020  
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG


**JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**NOTIS PEMBERITAHUAN**

JABATAN TANAH, Kementerian Pembangunan sukacita menarik perhatian semua pemilik-pemilik tanah bergeran di Negara Brunei Darussalam supaya akan menjelaskan cukai tahunan tanah-tanah yang mereka miliki pada setiap tahun. Mereka juga dikehendaki membayar tunggakan cukai tahunan tanah mereka, jika ada. Kegagalan pemilik-pemilik tanah untuk membayar cukai tanah dan tunggakan cukai tanah tahunan mereka dalam tempoh yang telah diberikan,

Jabatan Tanah boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah Bab 18 Kanun Tanah Penggal 40 di mana pihak Kerajaan berhak untuk merampas dan menjual mana-mana harta alih [movable property] yang ada di atas tanah mereka dan juga berhak untuk menjual dan mengambil balik tanah mereka.

Oleh yang demikian, semua pemilik tanah di Negara Brunei Darussalam diminta untuk membayar cukai tahunan tanah dan tunggakan cukai tahunan tanah mereka di mana-mana kaunter pembayaran pejabat tanah seluruh


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**'5-SEATERS WAGON' UNTUK JABATAN JALAN RAYA, JABATAN KERJA RAYA**

**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)



daerah pada waktu pembayaran yang telah ditetapkan dengan tidak mengikut lokasi tanah mereka.

Waktu pembayaran cukai tanah di kaunter-kaunter pembayaran Pejabat Tanah seperti berikut :

**PEJABAT TANAH  
DAERAH BRUNEI DAN MUARA**  
Isnin hingga Khamis  
dan Sabtu  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang

8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang

Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam Tutup

**PEJABAT TANAH DAERAH BELAIT,  
TUTONG DAN TEMBURONG**

Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
1.45 Petang hingga 2.45 Petang

Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam Tutup

# JAWATAN KOSONG / IKLAN



## KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

### IKLAN JAWATAN KOSONG

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN  
UGAMA SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

#### Syarat-syarat Am

a) PEMOHON mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

c) Cara permohonan rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

#### PERATURAN 38(b)

Dibukakan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan / tenaga-tenaga akademik tempatan yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-jabatan di bawahnya, yang memenuhi syarat-syarat kelayakan atau kriteria-kriteria yang dikehendaki bagi jawatan tersebut.

#### 1. JAWATAN : Penolong Kanan Profesor

#### 2. BAHAGIAN : I 3. TANGGA GAJI : PT3 (BND5,900.00 EB Khas BND6,110.00)

#### 4. KEKOSONGAN JAWATAN : 1 Jawatan

#### 5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

a) Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan) dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus PhD dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD).

b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Penolong Profesor dalam tangga gaji PT2 selama tidak kurang dari tujuh (7) tahun atau

Penolong Profesor dalam tangga gaji PT2A selama tidak kurang dari empat (4) tahun;

#### ATAU

Memenuhi kriteria-kriteria berikut :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di pusat-pusat pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding dengannya;

- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;

- Telah memegang jawatan yang sebanding denganannya bagi tempoh yang bersesuaian;

- Di dalam penyelidikan TELAH menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam *referred journal* atau sumbangan bab atau *chapter* di dalam buku-buku akademik atau menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar / persidangan serantau / antarabangsa atau menerbitkan buku akademik;

- Pernah menyelia tesis Ijazah Sarjana.

- c) Mencapai kecemerlangan di dalam pengajaran dan penyelidikan, progresif di dalam penulisan akademik untuk penerbitan di dalam *referred journal* atau sumbangan bab atau *chapter* di dalam buku akademik, penerbitan buku, seminar dan persidangan akademik serantau dan antarabangsa dan menyelia tesis penuntut-penuntut sarjana.

- d) Menunjukkan reputasi yang terus meningkat di dalam bidang pengkhususannya melalui sumbangan konsisten di dalam jurnal,

buku, seminar, persidangan, pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan kepada masyarakat umum.

e) Di samping kecemerlangan akademik, juga menunjukkan kapasiti tinggi di dalam pentadbiran di peringkat Jabatan atau Fakulti atau Pusat.

f) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### PEMBERITAHUAN

1. Penggunaan Borang KUPU SB/P1 serta keterangan lanjut boleh diperoleh di Pejabat Pendaftar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan atau melayari laman sesawang : [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

2. Pemohon hendaklah melengkapkan borang KUPU SB / P1 dan menyertakan salinan-salinan Surat Beranak, Kad Pintar, Surat-Surat Akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut :

**PENDAFTAR**  
**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN  
UGAMA SERI BEGAWAN**  
**KM 2, JALAN RAJA ISTERI  
PENGIRAN ANAK SALEHA**  
**BANDAR SERI BEGAWAN, BA2111**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
Telefon : +673 2236277  
Faks : +673 2225226

Tarikh Tutup Iklan : 22 April 2020  
Bilangan Iklan :  
KUPU SB/PJW/04/2020

penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 18 Februari 2020

**HJH NOOR AMALINA BINTI DP HJ  
ALAIHUDDIN**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

#### KES NO. BCY / CP / 463 / 2019

**SWEE WAH ENTERPRISE SDN. BHD.**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**HAJAH NORMAHWATI  
BINTI HAJI MOHD. JAAFAR**  
(BYIC No. 00-120622)  
- Penghutang / Penentang

#### NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 12 Disember 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiuutang-pemiuutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar pada **22 April 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **22 April 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Mana-mana pemiuutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 3 Mac 2020

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar



## MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

#### DI DALAM MAHKAMAH TINGGI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN

#### KES NO. BCY / CP / 420 / 2019

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**MOHAMMAD NAZIRUL FARIDUDDIN  
BIN JOINI**  
(BYIC No. 01-049352)  
- Penghutang / Penentang

#### NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiuutang-pemiuutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar pada **16 April 2020**, jam **9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **16 April 2020**, jam **9.45 Pagi**.

Mana-mana pemiuutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 17 Februari 2020

#### KES NO. BCY / CP / 34 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**MOHAMMAD HASLANI  
BIN MATUSSAIN**  
(BYIC No. 00-289870)  
- Penghutang / Penentang

#### NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiuutang-pemiuutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar pada **16 April 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Mana-mana pemiuutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

#### NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Januari 2020.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiuutang-pemiuutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar pada **16 April 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiuutang-pemiuutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar pada **16 April 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Mana-mana pemiuutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 17 Februari 2020

#### KES NO. BCY / CP / 295 / 2019

#### PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI

- Pemiutang / Pemetisyen

**NOORSHAM BIN MATARSAT**  
(BYIC No. 00-255614)  
- Penghutang / Penentang

#### NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 Disember 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiuutang-pemiuutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **19 April 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **19 April 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Mana-mana pemiuutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.



## Tatacara Mengambil Keputusan Permohonan di Jabatan Buruh

nota: Bagi Cawangan-Cawangan mungkin menggunakan proses tatacara yang berbeza



1

Menerima makluman untuk mengambil keputusan permohonan daripada Jabatan Buruh melalui Whatsapp.



2

Tiba ke Jabatan Buruh.




3

Menjalani saringan suhu badan daripada Pengawal Keselamatan.




4

Mengisikan Buku Daftar Masuk yang disediakan.



5

Sila terus ke Meja Kaunter dan bertanya kepada salah seorang Kakitangan Jabatan.



6

Sila tunjukkan resit yang dicetak dari e-mel dan teks Whatsapp untuk kutipan.



7

Sila isikan Buku Daftar bagi mengambil Keputusan Permohonan.



8

Ambil permohonan awda.

# MEMBAHARUI LESEN KENDERAAN MELALUI ATAS TALIAN (ON-LINE)

## TATACARA

Muat turun aplikasi mudah alih 'TransportBN' melalui App Store bagi iOS dan Google Play bagi Android

Klik ikon 'Vehicle Licence Renewal'



Log masuk menggunakan akaun e-darussalam awda

3

Sila isi nombor pendaftaran kenderaan awda, pilih tempoh pembaharuan (1 bulan - 12 bulan) serta pilih penghantaran melalui pos dan klik seterusnya

4

Sila pastikan keterangan yang diperlukan adalah betul serta terkini dan klik butang 'hantar' untuk proses selanjutnya

5

Klik butang buat 'Pembayaran Secara Online' dan penghantaran akan dibuat melalui pos

6

Bagi kenderaan 7 tahun ke atas dan kenderaan komersil, pastikan awda telah membuat pemeriksaan di tesen-Stesen Pemeriksaan Kenderaan (VIS) yang dilantik.


Pastikan kenderaan awda dilindungi insuran bagi tempoh Lesen Kenderaan yang hendak dibaharui serta maklumat insuran telah dikemaskini oleh pihak Insurans ke dalam Sistem Pengangkutan Darat (SPD).

Lesen kenderaan yang dibaharui melalui atas talian (online) atau aplikasi mudah alih TransportBN akan dihantar ke alamat yang diberikan oleh pemohon menggunakan perkhidmatan Pos dalam masa 3 hari waktu berkerja dengan caj tambahan \$3.00.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

Jabatan Pengangkutan Darat di talian 2451979/81/82/83 (waktu pejabat) atau emel info\_ltd@land-transport.gov.bn

# Pembelajaran dalam talian perkasa kemahiran teknologi



**KAEDAH pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang dipraktikkan oleh KUPU SB.**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ihsan KUPU SB, SMSUA, Pg. Shah Rizal Pg. Haji Md. Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Dalam memastikan keselamatan dan kesihatan para pelajar di negara ini sentiasa terjaga dan terhindar daripada sebarang kemungkinan jangkitan wabak COVID-19, sesi pengajaran dan pembelajaran bagi semua sekolah-sekolah rendah, menengah, pusat tingkatan enam, sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, termasuk sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekolah-sekolah swasta bermula hari ini dipraktikkan secara dalam talian (*online*).

Pelajar-pelajar juga dikehendaki untuk terus berada di rumah dan mengikuti pembelajaran secara dalam talian melalui pelbagai landasan mengikut kapasiti sekolah masing-masing, sama ada melalui e-mel, Google Docs, Aplikasi WhatsApp, Video

Conference, Microsoft Teams dan platform media sosial atau sebarang aplikasi telekomunikasi yang bersesuaian.

Dalam temu bual Pelita Brunei menerusi media sosial, WhatsApp, Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman menyatakan pihak KUPU SB sejak 24 Mac mula menjalankan sesi kuliah melalui dalam talian dengan menggunakan teknologi digital dan laman sesawang sedia ada yang menawarkan pembelajaran dalam talian, seperti Google Classroom, Microsoft Team, Aplikasi ZOOM dan apa jua kaedah *e-learning* yang bersesuaian dan mudah untuk dilaksanakan oleh pensyarah dan pelajar.

Selain itu, beliau juga berkata bahawa Video Conference merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang paling aktif

digunakan ketika ini dalam kalangan pensyarah dan pelajar KUPU SB.

"Sesi kuliah dan *tutorial* yang dijalankan melalui dalam talian masih mengikuti jadual hari dan jam kelas yang sedia ada dan tertakluk kepada jadual masing-masing, dalam sehari, kelas yang diadakan melalui dalam talian boleh berlangsung empat ke lima jam sehari.

"Jadi, walaupun pelajar tidak hadir ke kampus, tetapi mereka masih menjalankan pengkulian seperti biasa setiap hari bersama pensyarah masing-masing. Bezanya saja, ia sekarang dilaksanakan secara *online*," katanya lagi.

Sementara itu, Timbalan Pengetua Pentadbiran Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA), Awang Mohd. Azmi bin Haji Mohd. Yakup menjelaskan semua guru hari ini memulakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan *online* bersama penuntut-penuntut yang mempunyai kemudahan akses ke *internet*, guru-guru mengadakan *online teaching learning* (nota dan tugas) mengikuti jadual yang sudah disediakan.

Manakala bagi penuntut-penuntut yang tidak mempunyai kemudahan Sistem Home Learning Pack (HLP) yang berupa nota dan tugas *hardcopy* yang disediakan oleh guru-guru.

Ibu bapa dan penjaga penuntut akan datang ke sekolah mengambil HLP di dewan serbaguna dan tugas dikembalikan semula ke sekolah dalam jangkaan waktu seminggu selepas itu.

Dalam langkah menjaga keselamatan dan mengelak daripada berkumpul, pihak sekolah membahagikan waktu untuk wakil penuntut datang mengambil HLP, iaitu pada Selasa (31 Mac) bagi Tahun 9, 10 dan 11, manakala Tahun 7 dan 8 dijadualkan pada Rabu (1 April).

Sebelum mereka memasuki

dewan, pihak sekolah juga akan terlebih dahulu memeriksa suhu badan ibu bapa / penjaga bagi memastikan mereka dalam keadaan sihat.

Inisiatif seumpama ini disambut baik oleh ibu bapa / penjaga pelajar lebih-lebih lagi pada situasi yang membimbangkan sekarang ini, sekali gus mencerminkan pihak kerajaan mengambil berat mengenai pendidikan di negara ini.

Pengiran Shah Rizal bin Pengiran Haji Md. Said menyatakan meskipun pembelajaran secara *online* agak baru bagi anak-anaknya dengan

masa yang terhad, namun sedikit sebanyak anak-anaknya dapat mengikuti pembelajaran mata pelajaran yang diajarkan.

Beliau tidak menafikan bahawa kaedah belajar secara *online* ini agak berbeza daripada pembelajaran di sekolah, namun selaku ibu bapa mereka juga akan menghubungi guru sekolah sekiranya ada terdapat kemasukan dalam kerja-kerja sekolah anak mereka. Mereka turut berdoa semoga wabak ini dapat dibendung dan terhapus dari bumi ini dan semoga keadaan akan kembali pulih seperti biasa.

## Pembayaran pencen, elaun melalui bank

**Siaran Akhbar : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan ini merujuk Siaran Akhbar keluaran 17 Mac 2020 mengenai Pembayaran Pencen-pencen, termasuk Pencen Umur Tua dan Elaun-elaun Melalui Bank.

Pembayaran melalui bank ini ditawarkan sejak bulan Mac 2020 sebagai pilihan tambahan kepada semua penerima, selain daripada pembayaran secara lazim melalui Penghulu dan Ketua Kampung. Para Penerima Pencen dan Elaun, termasuk Pencen Umur Tua yang ingin memilih kaedah pembayaran melalui bank adalah dikehendaki untuk mengisi borang permohonan yang boleh didapati dari semua Cawangan JAPEM seluruh negara ataupun dimuat turun melalui laman sesawang <http://www.kkbs.gov.bn/Lists/latest%20Announcement/NewDispForm.aspx?ID=34>.

Borang permohonan yang lengkap boleh dihantar melalui e-mel : [bahagian.pencen@japem.gov.bn](mailto:bahagian.pencen@japem.gov.bn) atau Peti Khas : Ruang Legar, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Untuk makluman, pembayaran pencen-pencen dan elauan-elaun telah pun dan sedang dilaksanakan di dewan-dewan; balai raya; dan rumah-rumah Penghulu dan Ketua Kampung di setiap daerah.

Alhamdulillah, pembayaran berjalan dengan lancar, di mana turut dibantu oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK), para sukarelawan dan petugas-petugas dari jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkhidmatan tersebut orang ramai boleh menghubungi Talian 141, JAPEM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

# ALAI PINTAR 023

**SOALAN 1 APRIL 2020, RABU**

Pilih jawapan yang betul bagi setiap soalan.

1. Tuliskan Tujuh Ratus Empat Puluh Lima dalam angka Jawapan : \_\_\_\_\_
2. Pilih jawapan yang betul.  
Afiqah sedang menyembur \_\_\_\_\_ pada badannya selepas mandi.  
a) Minyak hitam  
b) Minyak wangi  
c) Minyak rambut
3. Perkumpulan sia-sia seperti lepak mendatangkan pelbagai masalah seperti \_\_\_\_\_  
a) Boleh meningkatkan pengetahuan  
b) Keruntuhan akhlak dan masalah disiplin  
c) Lupa untuk pulang rumah.

**TARIKH TUTUP : 13 April 2020.**

### HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI BND38.00

### PEMENANG ALAI PINTAR 022 :

Nama : Muhammad Erfan Zara Ashiy bin Muhammad Al-Iqbali Husayni  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 017547-13. Sekolah : Sekolah Rendah Sungai Tali Lumut, Seria

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
  2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
    - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
    - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
    - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
    - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
  3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi WhatsApp ke talian **+673 8300836** atau emel ke [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)
  4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap
- Nama : .....  
Tarikh Lahir : .....  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
Sekolah : .....  
Tahun : .....  
Alamat : .....  
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 022

1. a) Wajib
2. a) Esa
3. c) Mengapa



## Apa Pendapat Biskita?

# Apabila viral menjadi virus

**PENGARUH** media sosial kini semakin meningkat naik dalam kalangan masyarakat zaman hari ini. *Viral* atau tular merupakan satu budaya yang digunakan oleh masyarakat sekarang dalam berkongsikan kisah-kisah pelik dan menarik yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kewujudan laman sosial yang semakin hari semakin banyak menyebabkan tindakan tular ini semakin meluas dan tidak terkawal. Budaya tular ini membawa cerita tidak kira positif atau negatif untuk tatapan masyarakat. Persoalannya dari Apa Pendapat Biskita pada kali ini, adakah tular membawa kesan buruk atau kesan baik kepada masyarakat pada zaman ini?

"Bagi pandangan saya, sesetengah pihak mereka akan terus mempercayai segala kisah, cerita dan berita yang disebarluaskan melalui budaya *viral* ini tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu. Hal ini boleh menyebabkan fitnah berleluasa dan membawa kepada percaduhan kepada individu-individu yang terlibat. Namun *viral* juga boleh membantu dalam mencegah sesuatu perkara yang tidak baik dan menjadi satu perkongsian mahupun pengajaran untuk semua pihak. Maka semasa mendapat berita-berita *viral* pastikan kesahihannya dulu sebelum kita sendiri menularkan kisah tersebut". - Mohd. Fauzi bin Abdullah, Kilanas.

"Dalam dunia media sosial ini kita sebagai seorang manusia haruslah tidak hanyut dibuai oleh ombak *viral*. Kesan kepada perkara yang akan kita tularkan haruslah difikirkan dahulu supaya tidak terjadinya perkara-perkara negatif. Apabila mendapat berita tular atau membaca kisah-kisah tular haruslah kita memeriksa dahulu adakah betul berita yang disampaikan sebelum mempercayai dan menularkan berita tersebut. Setiap perkara sentiasa mempunyai kebaikan dan keburukan yang tersendiri. Tugas kita sebagai manusia yang menepis segala keburukan yang ada dan mengambil segala kebaikan yang diberi. Oleh itu, fokus kepada apa yang kita hadapi sekarang dan berfikir di luar kotak untuk memahami budaya tular yang semakin berleluasa kini".

- Aziz RH, Gadong.

"Ledakan maklumat dan media sosial pada masa ini sudah menjadi trend dan keperluan bagi semua lapisan masyarakat menerusi kemajuan telefon bimbit dan peluasan rangkaian komunikasi yang turut mencakupi kawasan luar bandar. Penyebaran atau perkongsian cerita, berita, video grafik dan gambar sesuatu isu atau perkara menerusi media sosial atau istilah popularnya *viral* adalah kesan ledakan maklumat tanpa sempadan dan had serta perkembangan teknologi komunikasi pada abad ini. Setiap individu bertanggungjawab dan menanggung amanah setiap kali mahu memuat turun maklumat untuk dikongsi dalam media sosial kerana ia boleh menjadi *viral* jika ada pihak tertentu yang mempunyai niat serta agenda tertentu serta cenderung membuat fitnah secara fabrikasi atau rekaan semata-mata. Perlu diingat, penyebaran berita melalui media sosial terutama perkongsian menerusi laman Blog, Facebook, Twitter, Instagram atau aplikasi lain memudahkan sesuatu perkara menjadi sangat popular dan diketahui dengan pantas oleh semua individu serta diakses penduduk di seluruh dunia. Sebagai rakyat berilmu, beragama dan berfikiran terbuka, mereka boleh menghentikan *viral* berita atau perkara, jika diamati sudah ditokok tambah dengan maklumat tidak betul. Rakyat sendiri yang perlu menghentikan perbuatan menyebarkan perkara yang bermatlamat mengaibkan individu lain, merosakkan integriti kerana ia adalah virus membawa perpecahan masyarakat pelbagai kaum". - Dk. Normasdinawati, Mentiri.

Apabila menyentuh mengenai *viral*, sebagai penulis ruangan ini berpendapat sudah pasti pemikiran kita lebih kepada perkara negatif sehingga lupa budaya *viral* juga ada baiknya. Namun, ada segelintir yang menyalahgunakan peranan *viral* sehingga menimbulkan banyak keburukan. Antaranya penyebaran maklumat palsu selari kuasa viral di mana pelbagai maklumat yang belum pasti kesahihannya, disebarluaskan secara meluas. Kesan ledakan maklumat, faktor globalisasi, *viral* adalah sebahagian asam garam kehidupan masyarakat pada Abad Ke-21, maka menjadi tanggungjawab rakyat untuk memastikan aplikasi dalam media sosial terus relevan sebagai penyalur maklumat yang positif. Kebaikan dan keburukan budaya *viral* ini bergantung kepada diri sendiri. Jika digunakan dengan niat yang betul, maka baiklah kesannya dan begitu juga sebaliknya.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :  
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Peranan Media Massa
- ii. Kebaikan dan Keburukan E-Learning Dari Rumah



**lunti** bermaksud lusuh, kumal, atau renyuk tentang pakaian dan sebagainya.  
Contoh pemakaian kata : **lunti** kain jamurannya luan asak-asak dalam bakul.

**maluhum** bermaksud amat gelap ketika hendak hujan tentang cuaca.  
Contoh pemakaian kata : bangkit tia naindah atau lai, **maluhum** udah usulnya ari ani.

**mandudus** bermaksud memotong mulut ikan, hujung kayu, dan lain-lain.  
Contoh pemakaian kata : Liau Haji **mandudus** mulut lauk yang dibuatinya atu.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**



## KAMPUNG SELANGAN



Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

### IKAN RUMAHAN LAKI SAMBAL PETAI

#### BAHAN-BAHANNYA :

- 1/2kg ikan rumahan laki
- 1/2 sudu kecil serbuk kunyit
- 1 labu bawang bombay (dihiris)
- 1 biji tomato (dipotong mengikut kesukaan)
- 100gm petai
- 2 sudu besar lada kering kisar
- 2 biji lada besar merah dan hijau (dihiris)

Sedikit air, belacan  
Garam dan gula secukupnya

#### CARA MEMBUATNYA :

Siang dan bersihkan ikan. Kemudian gaul bersama serbuk kunyit dan garam lalu goreng ikan sehingga masak. Tumis bawang bombay bersama lada kering kisar sehingga naik

bau, kemudian masukkan lada besar merah dan hijau berserta buah petai hingga layu, tambah air sedikit lalu masukkan tomato, belacan, garam dan gula secukupnya. Apabila sudah masak, tuangkan tumisan tersebut ke atas ikan rumahan yang telah digoreng.

# Kedutaan bantu rakyat Malaysia di Indonesia yang mahu pulang

JAKARTA, 31 Mac (Bernama) -- Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia kini bekerjasama dengan syarikat penerbangan Malaysia Airlines dan Garuda serta Persatuan Ejen Pelancongan Indonesia, bagi membantu rakyat Malaysia di Indonesia, yang berhasrat ingin pulang ke tanah air.

Duta Besar Malaysia di Indonesia, Datuk Zainal Abidin

Bakar berkata berikutnya syarikat-syarikat penerbangan mengurangkan kekerapan penerbangan mereka, kerjasama yang dilakukan itu adalah bagi memudahkan urusan rakyat Malaysia yang mahu pulang.

Pandemik COVID-19 yang menular ke seluruh dunia juga menyebabkan kebanyakannya negara kini menyekat kemasukan

pelawat asing, dan meminta rakyat mereka pulang ke negara masing-masing.

Namun syarikat-syarikat penerbangan kini terpaksa mengurangkan kekerapan penerbangan mereka berikutnya penurunan mendadak jumlah penumpang.

"Rakyat Malaysia di Indonesia yang mahu pulang, disarankan supaya mengambil peluang ini

untuk pulang ke Malaysia.

"Semua rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara juga perlu menjalani kuarantin selama 14 hari dan perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan," katanya.

Zainal Abidin berkata berdasarkan kerjasama itu juga, Malaysia Airlines menyediakan jadual penerbangan dari Jakarta ke Kuala Lumpur pada tarikh 2, 9, 16, 23 dan 30 April ini.

Rakyat Malaysia di Indonesia yang mahu pulang ke tanah air juga boleh membuat tempahan tiket terus melalui Malaysia Airlines.

Rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan konsular boleh menghubungi talian +62 813 8081 3036, atau e-mel ke kedutaan di mwjakarta@kln.gov.my atau jkonsular@gmail.com. -- ©BERNAMA

## Kajian buktikan lockdown berjaya bendung kes COVID-19 di Wuhan

HONG KONG, 31 Mac (Bernama) -- Lockdown di Wuhan, China, berkesan membendung COVID-19 pada awal wabak berkenaan menular dan banyak membantu mengurangkan kadar jangkitan di tempat lain, menurut laporan dikeluarkan sebuah universiti di Hong Kong.

Menurut kajian Universiti China Hong Kong (CUHK) andai kerajaan tidak menutup sepenuhnya bandar raya berkenaan, kadar jangkitan mungkin sehingga 64.8 peratus lebih tinggi di bandar di luar Hubei dan 52.6 peratus lebih tinggi di bandar selain Wuhan di wilayah itu.

"Kami mendapati lockdown di Wuhan memberi sumbangan ketara terhadap usaha mengurangkan kadar jangkitan di luar Wuhan, meskipun penjarakan sosial dikuatkuasakan

di bandar raya lain selepas itu," kata Profesor Madya Sekolah Perniagaan CUHK, Yang Yang.

Menurut laporan Xinhua, penyelidikan membuktikan lockdown menyekat aliran orang ramai dari bandar raya itu sehingga 56.4 peratus berbanding jika kuarantin tidak dikuatkuasakan.

Selain itu, ia mengurangkan kemasukan ke bandar berkenaan sehingga 76.6 peratus dan pergerakan di bandar dikurangkan sehingga 54.2 peratus.

Yang menegaskan, keputusan kajian turut memberi implikasi kuat terhadap negara lain dalam perjuangan mereka menentang COVID-19.

"Kelihatan, selepas pelaksanaan pelbagai langkah kawalan, bandar raya yang menguatkuasakan lockdown diperketatkan, mampu mendatarkan unjuran menaik kes

jangkitan," katanya.

Ketika COVID-19 merebak dengan pantas, banyak kerajaan negara dunia menguatkuasakan lockdown di bandar raya mereka. Kes di China pula mencatatkan penurunan menyaksikan Hubei sudah menghentikan sekatan di lebuh raya, kecuali di bandar Wuhan.

"Semua sekatan dan pos pemeriksaan di Wuhan akan ditamatkan pada 8 April, ketika bandar raya yang paling teruk dilanda wabak itu menarik balik larangan keluar dari situ buat kali pertama, sejak lockdown dikuatkuasakan dua bulan lalu.

Penyelidikan yang dijalankan Yang adalah dengan kerjasama Hanming Fang di Universiti Pennsylvania dan Long Wang dari Universiti Teknologi Shanghai. -- ©BERNAMA

## Bahang panas pertama direkodkan di Antartika

SYDNEY, 31 Mac (Bernama) -- Benua yang paling sejuk di dunia didapati tidak kebal terhadap peningkatan suhu global selepas ahli sains buat pertama kali mencatatkan kejadian bahang panas di Antartika pada musim panas 2019-2020, lapor Xinhua.

Penyelidik Program Antartika Australia pada Selasa menyatakan, mereka mencatatkan suhu sehingga 9.2 darjah Celsius di stesen Casey timur benua terbabit pada awal tahun ini.

"Gelombang bahang panas diklasifikasikan sebagai bacaan paling maksimum dan paling minimum selama tiga hari, ahli biologi Universiti Wollongong, Dr Sharon Robinson.

"Antara 23 dan 26 Januari, stesen itu merekodkan suhu paling

rendah di bawah sifar Celsius dan suhu maksimum 9.2 darjah.

"Menurut rekod Casey, suhu maksimum yang dicatatkan adalah 6.9 darjah Celsius lebih tinggi daripada paras suhu sejuk melampau untuk stesen itu manakala bacaan minimum pula adalah 0.2 darjah lebih tinggi," kata Robinson.

Ahli sains bimbang kesan positif atau negatif terhadap gelombang bahang panas itu terhadap ekologi Antartika.

"Kebanyakan hidupan yang hidup di kawasan oasis kecil tidak beras di Antartika dan hidupan itu banyak bergantung kepada ais dan ais yang cair untuk bekalan air mereka," kata ahli ekologi Bahagian Antartika Australia, Dr. Dana Bergstrom.

"Banjir ais yang cair boleh menyalurkan air tambahan terhadap ekosistem di situ, menggalakkan peningkatan dan pembiakan lumut, kulat, mikrob dan vertebrata.

"Bagaimanapun air yang terlalu banyak boleh menyebabkan tumbuhan ini hanyut dan mengubah komposisi komuniti invertebrata dan hamparan mikrob di tempat terbabit.

"Dipercayai suhu luar biasa dikaitkan dengan corak pergerakan meteorologi yang berlaku di Hemisfer Selatan ketika musim bunga dan musim panas 2019.

Corak cuaca sebegini turut dipengaruhi oleh pemisahan awal lubang ozon pada lewat 2019, disebabkan pemanasan ketara global di stratosfera, menurut ahli

sains atmosfera Antartika Australia, Dr Andrew Klekociuk.

Klekociuk berkata, usaha sama global giat dijalankan bagi memperbaiki dan akhirnya menutup lubang lapisan ozon ini dalam mengubah kembali sistem cuaca. -- ©BERNAMA

## 26-30 dan 56-60 dua golongan umur paling tinggi kes positif COVID-19

keperluan rumah.

"Faktor yang pertama yang muda itu, kami rasa mungkin daripada pelajar atau mereka yang

kembali dari luar negara. Ataupun sering keluar walaupun Perintah Kawalan Pergerakan, mereka keluar dan bergaul.

"Kategori kedua pula peringkat ketua rumah yang selalunya keluar untuk membeli barang dan sebagainya. Jadi dijangkiti apabila mereka keluar," katanya dalam sidang media perkembangan COVID-19 hari ini. -- ©BERNAMA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah  
Haji Awang Sulaiman  
Foto : Jabatan Penerangan

## PROGRAM M



# Lebih enam dekad Jabatan Penerangan membarigakan maklumat

**M**ENJANGKAU usia penubuhannya Ke-68 tahun pada 1 April 2020, Jabatan Penerangan terus mengorak langkah dalam menanai dan mengalas tugas serta tanggungjawab menjadi peneraju dalam pembarigakan maklumat rasmi berteraskan Melayu Islam Beraja yang sahih, berkualiti, cepat, tepat dan berwibawa untuk menyerlahkan imej raja dan negara, mendukung Wawasan Brunei 2035 melalui pemerkasaan penyebaran maklumat rasmi ke arah mengukuhkan perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara.

Jabatan Penerangan ketika ini diterajui oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad mempunyai sekitar 209 pegawai dan kakitangan bertugas di keempat-empat cawangan Jabatan Penerangan seluruh negara.

Ke arah memantapkan lagi Jabatan Penerangan, bahagian Penerangan di setiap daerah juga berfungsi sama dalam memberikan maklumat terhadap masyarakat di daerah-daerah tersebut dan mengadakan pelbagai aktiviti atau perancangan tertentu semata-mata untuk meningkatkan imej Jabatan Penerangan.

Di samping menyampaikan maklumat mengenai dasar dan agenda kerajaan, Jabatan Penerangan juga mendengarkan isu-isu dan *concern* orang ramai melalui program-program kemasyarakatan seperti Program Sua Muka, Program Muzakarah Penerangan (PMP), Program Masyarakat Bermaklumat dan sebagainya yang giat dilaksanakan sepanjang tahun.

### Strategi Penyebaran Maklumat

Melalui strategi media cetak, Jabatan Penerangan melalui Pelita Brunei diamanahkan untuk memberi maklumat hal ehwal semasa dan membarigakan usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan Negara Brunei Darussalam.

Akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei yang diterbitkan tiga kali seminggu itu juga tidak ketinggalan dengan mengadaptasi alam digital. Dalam mendukung hasrat dan membudayakan amalan *paperless*, Pelita Brunei versi digital e-Paper mula beroperasi pada 18 Jun 2016. Begitu juga dengan segala persuratan, jabatan ini menggunakan e-mel bagi memudahkan semua urusan persuratan baik persuratan dalam mahupun untuk luar jabatan.

Tujuan e-Paper ini bukan sahaja untuk membantu orang ramai yang tidak memperoleh Pelita Brunei secara bercetak bahkan memudahkan mereka memperoleh

maklumat dengan hanya di hujung jari sahaja di mana ia boleh dimuat turun dalam telefon pintar atau komputer.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat berita-berita semasa melalui perkhidmatan Pelita Online yang boleh dilayari pada laman sesawang [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn) setiap hari.

Dalam pada itu, untuk memastikan yang perkhidmatan Jabatan Penerangan terus *current* atau terkini, media baharu seperti Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan *InfoDeptBN*, media sosial seperti Facebook *Jabatan Penerangan Perdana Menteri*, Instagram *@infodept.bn* dan Twitter *@infodept\_bn* juga digunakan sepenuhnya bermula pada tahun 2014, dalam penyebaran maklumat yang lebih berkesan dan dapat menjangkau kepada masyarakat dengan lebih jauh lagi.

Sebagai kaedah untuk menyampaikan maklumat, berita dan hasrat kerajaan kepada penduduk-penduduk kampung yang tinggal di kawasan pedalaman yang kurang mendapat pendedahan mengenai maklumat-maklumat semasa, Jabatan Penerangan menempatkan satu sudut bermaklumat di Rumah Besar Sukang dan Rumah Panjang Julangan Kasih Kampung Melias yang turut dilengkapi dengan papan-papan maklumat yang dikhurasukan untuk membarigakan maklumat-maklumat berkaitan isu-isu semasa untuk tatapan orang ramai seperti cetakan Pelita Brunei.

Turut disediakan ialah sudut bacaan mini yang dilengkapi dengan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan seperti Warta Penerangan dan sebagainya. Papan Maklumat Penerangan ini disediakan di rumah-rumah panjang Ulu Belait sejak tahun 2017.

### Perkembangan Terkini

Jabatan Penerangan melancarkan Pusat Rujukan Penerangan pada bulan Januari 2019 lalu yang terletak di Aras II, Bangunan Asal Jabatan Penerangan di mana ia boleh dikunjungi oleh orang ramai bagi membuat sebarang rujukan dan dibuka pada setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Antara bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan ini ialah bahan-bahan terbitan jabatan seperti koleksi Pelita Brunei, Himpunan Titah dan Himpunan Sabda.

Sebagai kutipan hasil bagi jabatan, Jabatan Penerangan juga telah mula menjual buku-buku terbitannya bermula tahun 2018 antaranya ialah Himpunan

Titah, Himpunan Sabda, Kompilasi Sabda Anakanda, Haluan, Brunei Darussalam Negaraku dan juga buku daerah-daerah (Daerah Tutong dan Daerah Temburong). Harga setiap buku berbeza-beza mengikut kriteria yang tertentu. Orang ramai yang berhasrat untuk mendapatkan dan membeli buku-buku berkenaan bolehlah mendapatkannya di kaunter-kaunter Unit Pengedaran Jabatan Penerangan di keempat-empat daerah.

Selain itu, pihak jabatan juga sering menyertai pameran, Pesta Buku dan ada kalanya bergerak sendirian dalam mempromosikan buku-buku jabatan. Begitu juga jika ada sebarang aktiviti atau program yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, buku-buku akan dipamerkan dan ada juga yang dijual.

Beberapa penerbitan Jabatan Penerangan (*e-book*) juga boleh dibaca secara percuma melalui laman sesawang jabatan iaitu dengan melayari [www.information.gov.bn](http://www.information.gov.bn) bagi memudahkan orang ramai membaca dan membuat rujukan.

### Kemudahan, Prasarana dan Perkhidmatan

Antara kemudahan yang diperkenalkan ialah Pandu Lalu (Drive Thru) di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Berakas di mana orang ramai boleh mengambil Pelita Brunei tanpa perlu turun daripada kereta.

Sementara itu, Auditorium merupakan salah satu lagi kemudahan yang terdapat di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan. Dewan yang berbentuk teater ini boleh memuatkan 108 buah meja dan kerusi atau 225 tempat duduk serta dilengkapi dengan pendingin hawa, sistem pembesar suara dan projektor.

Pada masa ini dewan tersebut bukan saja digunakan oleh pihak Jabatan Penerangan malah juga sering kali turut digunakan oleh beberapa buah jabatan kerajaan yang lain dalam mengendalikan berbagai kegiatan.

Ia juga dibuka untuk disewa dengan kadar BND10 sehari dan waktu operasi bermula jam 7.45 pagi hingga 10 malam dan ditutup pada hari kelepasan awam.

Begitu juga dengan Dewan Pengirian Setia Negara yang terletak di Bangunan Lama, Jabatan Penerangan. Selain digunakan bagi acara-acara jabatan, dewan ini juga menempatkan dua gelanggang Badminton (Court 1 dan Court 2) bagi kegunaan warga Jabatan Penerangan dan juga dibukakan untuk disewa kepada orang ramai dengan bayaran BND10 satu jam atau BND40 sehari bagi dua gelanggang.

Orang ramai yang berhasrat untuk menggunakan gelanggang badminton

bolehlah membuat booking mereka melalui online di laman sesawang [www.12book.com.bn](http://www.12book.com.bn)

Bagi mereka yang berhasrat untuk mengadakan acara di Dewan Pengirian Setia Negara pula, kadar sewa ialah BND270 bagi satu acara (4 jam) termasuk kelengkapan sistem pembesar suara yang boleh memuatkan maksimum 280 orang.

Perkhidmatan Pembesar Suara merupakan satu lagi perkhidmatan yang ditawarkan kepada agensi-agensi kerajaan dalam acara-acara rasmi kenegaraan selain memberikan perkhidmatannya kepada Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO's) yang memohon bagi mendapatkan perkhidmatan tersebut.

### Cabarani

Antara cabaran yang perlu dihadapi oleh Jabatan Penerangan termasuk penghantaran akbar Pelita Brunei ke kampung-kampung pedalaman demi memastikan penduduk kampung juga mengetahui perkembangan terkini negara dan acara-acara yang berlangsung.

Jabatan Penerangan juga bertanggungjawab dalam pengurusan dan hal ehwal hubungan dengan media di mana apabila ada acara-acara kebesaran dan kenegaraan, pihak Pegawai Perhubungan Media (Media Relations Officer) Jabatan Penerangan akan ditugaskan untuk mengawal gerak kerja media-media tempatan dan juga media asing yang membuat liputan. Kadang kala tugas media memerlukan mereka agresif bagi mendapatkan berita dan gambar-gambar yang menarik, dan di sinilah cabaran, kesabaran dan profesionalisme pihak MRO diperlukan dalam menguruskan hal ehwal hubungan dan media.

### Penutup

Usia 68 tahun setentunya merupakan usia yang cukup matang, oleh itu dalam memastikan jentera Jabatan Penerangan bergerak dengan berkesan dan berjaya, warga Jabatan Penerangan berperanan penting dalam memastikan program-program yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dengan adanya sikap efisien dan inovatif akan menyuntik semangat semua pegawai dan kakitangan di jabatan ini untuk terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

Kejayaan jabatan adalah kerana kejayaan dan usaha keras setiap warga. Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-68 Tahun.

# Padah ingkar arahan



**BALAI Polis Pusat, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menerima laporan mengenai sebuah gim di kawasan Batu Bersurat, Gadong yang masih lagi beroperasi dan menerima pelanggan yang ingin menggunakan fasiliti di tempat berkenaan.**

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**GADONG**, Selasa, 31 Mac. - Dengan mengambil kira situasi penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini, pihak kerajaan berusaha dengan tekun bagi memastikan penularan wabak tersebut dapat dikawal dengan sebaiknya.

Pihak kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengeluarkan arahan bahawa bermula pada tarikh 19 Mac 2020, kesemua kompleks dan fasiliti sukan yang tertutup di seluruh negara, termasuk gim dan boling *alley*, termasuk padang golf akan mula ditutup hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Arahan tersebut dibarigakan

dengan sebaiknya kepada seluruh penduduk juga pemilik-pemilik fasiliti di negara ini, akan tetapi arahan tersebut tidak diendahkan dan diabaikan sepertimana laporan yang diterima oleh Balai Polis Pusat, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) pada 26 Mac 2020 mengenai sebuah gim di kawasan Batu Bersurat, Gadong masih lagi beroperasi dan menerima pelanggan yang ingin menggunakan fasiliti di tempat berkenaan. Hasil siasatan pihak Polis, suspek merupakan pemilik gim, bernama Harun bin Haji Ahmad, berumur 56 tahun.

Menurut keterangan suspek, beliau membenarkan pelanggan untuk menggunakan gim tersebut secara terhad dan atas permintaan

pelanggan walaupun suspek mengetahui mengenai larangan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Suspek dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan bagi tuduhan di bawah Seksyen 62A (2) Perintah Akta Penyakit Berjangkit Pindaan 2020 dan hukuman di bawah Seksyen 69 Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, iaitu denda sebanyak BND5,500 kepada tertuduh dan jika gagal membayar sebelum 30 April 2020 akan dipenjara selama satu bulan.

Dalam pada itu, PPDB ingin menegaskan kepada orang awam dan memohon kerjasama kesemua pihak agar akur dan patuh mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan bagi sama-sama membantu dan menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Menurut keterangan suspek, beliau membenarkan pelanggan untuk menggunakan gim tersebut secara terhad dan atas permintaan


## BIBD perkenal Kod QR untuk Dana Bantuan COVID-19

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 31 Mac. - Dengan semangat perpaduan negara dan menunjukkan sokongan kepada Kementerian Kesihatan dalam mencegah penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, BIBD dengan sukacitanya memaklumkan bahawa

sumbangan kepada Dana Bantuan COVID-19 kini boleh dibuat melalui Kod QR dengan menggunakan BIBD QuickPay.

Pelanggan BIBD hanya perlu mengimbas Kod QR melalui BIBD NEXGEN Wallet. Apa-apa sumbangan akan disalurkan terus ke dalam Dana Bantuan COVID-19,



**SUMBANGAN Dana Bantuan COVID-19 juga boleh disalurkan melalui imbasan Kod QR tanpa perlu memasukkan nombor akaun secara manual.**

tanpa perlu memasukkan nombor akaun secara manual.

Pelanggan ProgresifPay juga akan dapat menggunakan Kod QR OR menderma secara langsung melalui aplikasi ProgresifPay.

Dalam usaha untuk menggalakkan sokongan yang meluas dan berterusan, BIBD ingin menggesa organisasi sektor awam dan swasta untuk mencetak dan memaparkan Kod QR di premis mereka. Kod QR Dana Bantuan COVID-19 akan disediakan untuk dimuat turun melalui akaun media sosial BIBD @BIBDBrunei.

Dana Bantuan COVID-19 diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Sidang Media pada 21 Mac 2020 dan ditubuhkan untuk membolehkan orang awam memberi sumbangan bagi membantu menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan akan mengawal dan mengeluarkan (*withdraw*) dana tersebut setelah diluluskan oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II serta Menteri Kesihatan.

## Penerimaan semula perkhidmatan memperbaharui Lesen Memandu, Lesen Kenderaan

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Pos

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Merujuk kepada Siaran Akhbar yang bertarikh 27 Mac 2020 Masih bersama dengan 2 Syaaban 1441 Hijrah berhubung dengan penangguhan perkhidmatan memperbaharui Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan di Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP).

Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa JPP akan menerima semula perkhidmatan memperbaharui Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan di cawangan-cawangan Pos yang berkenaan.

Dalam pada itu, adalah disarankan sekali lagi kepada para pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan dalam talian (*online*) untuk kemudahan, keselamatan dan kesejahteraan dengan melayari laman sesawang [www.gov.bn](http://www.gov.bn) atau menggunakan aplikasi mudah alih TransportBN.

Untuk mengetahui keterangan lebih lanjut, awda bolehlah terus menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan (CSC) menerusi talian +673 2380481 atau +673 8711002 (WhatsApp) atau e-mel [cscpost@post.gov.bn](mailto:cscpost@post.gov.bn).

## Ingkar arahan kerajaan : Dua suspek ditahan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Bagi mencegah penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini, pihak kerajaan telah mengeluarkan arahan bagi premis-premis makanan untuk tidak dibenarkan untuk menyajikan makanan dan hanya dibenarkan untuk menyediakan makanan untuk dibawa pulang sahaja (*take-away*) yang berkuat kuasa bermula 19 Mac 2020 hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Namun demikian, masih ada premis makanan yang ingkar mematuhi arahan pihak kerajaan kerana didapati menghidangkan perkhidmatan *dine-in* kepada pelanggan di kawasan Mukim Kilanas pada 22 Mac 2020.

Bertindak atas maklumat yang disalurkan, keanggotaan Balai Polis Pusat, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan siasatan terhadap restoran terbabit.

Pemilik juga pekerja restoran diarah ke balai bagi menjalani siasatan lanjut. Suspek pertama, seorang lelaki, penduduk tetap, bernama Foong Swee Chung, berumur 51 tahun dan suspek kedua merupakan warganegara Filipina, bernama Jesussa Joy Balquin De Guzman, berumur 23 tahun, dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan bagi menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 62A (2) Perintah Akta Penyakit Berjangkit Pindaan 2020.

Tertuduh pertama mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman denda sebanyak BND5,000 dan tertuduh telah membayar denda tersebut. Manakala tertuduh kedua akan menjalani sebutan kes selanjutnya pada tarikh 6 April 2020.

PPDB tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang tidak mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan pihak kerajaan dalam usaha negara membendung sepenuhnya penularan jangkitan wabak COVID-19.

## Di mana Fajar Sidik?

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**FAJAR Sidik**, berumur 25 tahun, pemegang pasport C5795506 yang dilaporkan lari daripada majikan.

**TUTONG**, Selasa, 31 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing, warganegara Indonesia, Fajar Sidik, berumur 25 tahun dan pemegang pasport C5795506 yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Tutong menerusi talian +673 4221206 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan atau terus ke laman sesawang [www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn) atau Instagram @upa.ppdb.

# Dukung Tanggungjawab Sosial Korporat membendung penularan COVID-19



Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 31 Mac. - Pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam bekerja keras bagi memastikan penularan jangkitan wabak COVID-19 yang melanda pada masa ini bukan hanya di negara kita malahan di seluruh dunia agar dapat ditangani dan dikawal.

Justeru, pelbagai inisiatif dan langkah kewaspadaan telah dibuat oleh pihak kerajaan dan juga pelbagai pihak bagi memastikan penularan jangkitan wabak berkenaan dapat dikawal. Namun dalam masa yang sama, kerjasama daripada orang ramai termasuk pihak swasta juga dititikberatkan dalam sama-sama melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) dalam membantu lagi pihak kerajaan menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 ini.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan telah menerima sumbangan-sumbangan daripada pihak swasta dan persendirian di mana sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat dan sumbangan ikhlas daripada pihak-pihak penderma dalam membantu pihak kerajaan dalam membendung lagi penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Penyerahan sumbangan telah diadakan pada hari ini yang berlangsung di Kementerian Kesihatan di mana Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar telah menerima beberapa sumbangan bagi

pihak Kementerian Kesihatan.

Sumbangan wang tunai berjumlah BND9,500 disumbangkan oleh People's Republic of Bangladesh Embassy dan disampaikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Naib Marsyal Udara (R) Mahmud Hussain. Seterusnya, PTAS Sdn. Bhd. menyumbangkan sebuah cek yang berjumlah BND50,000 dan disampaikan oleh Pengarah Urusan, Awang Haji Amir bin Haji Osman.

Manakala Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman menerima sumbangan bagi pihak Kementerian Kesihatan dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang menyumbangkan buku zikir dan doa-doa sebanyak 1,200 naskhah untuk diberikan kepada pesakit-pesakit di Hospital RIPAS, Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan individu-individu yang menjalani pengasingan diri di fasiliti pengasingan diri serta di rumah. Sumbangan tersebut diserahkan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Selain itu, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menyumbangkan 400 pasang baju Scrubs yang disampaikan oleh Ahli Pemegang Amanah Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff dan turut dihadiri oleh Pemangku Ketua Pentadbiran Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Nurul Huda binti Awang Haji Muhiin dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Pusat Ehsan Al-Ameerah



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan menerima sumbangan daripada PTAS Sdn. Bhd yang disampaikan oleh Pengarah Urusan, Awang Haji Amir bin Haji Osman.**

Al-Hajjah Maryam, Pauline Chew.

Sumbangan tersebut diterima oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Dayang Sufinah binti Haji Serudin. Seterusnya Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan juga menerima sumbangan bagi pihak Kementerian Kesihatan daripada Boustead Sdn. Bhd. yang menyumbangkan 100 karton air mineral dan 40 kotak biskut serta disampaikan oleh Marketing Manager

Boustead Sdn. Bhd., Alvin Koo.

Akhir sekali, Sabec Sdn. Bhd. turut menyumbangkan 100 karton Saudia Whole Milk (24x200ml) dan disampaikan oleh Pengurus Sabec Sdn. Bhd., Pengiran Mokim bin Pengiran Haji Minudin dan turut dihadiri oleh Pengarah Sabec Sdn. Bhd., Mohammed Shahabas Ghan. Sumbangan tersebut turut diserahkan kepada Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Dayang Sufinah binti Haji Serudin.

## PEMODA berganding bahu bantu pihak kerajaan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ihsan PEMODA



PARA Ahli PEMODA yang terlibat memulakan tugas mereka sejak 18 Mac 2020 sebagai sukarelawan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Mac. - Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) merupakan salah sebuah persatuan yang turut sama berganding bahu sebagai sukarelawan dalam membantu agensi-agensi yang berkenaan untuk menangani situasi berkaitan penularan jangkitan wabak COVID-19 khususnya di Negara Brunei Darussalam.

Naib Yang Dipertua persatuan berkenaan ketika ditemui Pelita Brunei, Awang Shahrin bin Shahbuddin menjelaskan, penyertaan untuk menjadi sukarelawan bagi ahli-ahli PEMODA dibuka kepada mereka yang ingin menyumbangkan bakti dan tenaga bagi membantu pihak kerajaan di mana ketika ini negara dilanda jangkitan wabak COVID-19.

"Sukarelawan-sukarelawan ini adalah berdaftar di bawah Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan ia dilakukan dengan hati yang ikhlas kerana ia memerlukan pengorbanan masa dan tenaga bukan hanya untuk ahli-ahli PEMODA tetapi juga persatuan-persatuan lain dan orang ramai," katanya.

Para ahli PEMODA yang terlibat katanya, telah memulakan tugasannya mereka sejak 18 Mac 2020 di mana tugasannya hanya akan bermula selepas jam 6.00 petang sehingga selesai memandangkan ada ahli-ahli yang bertugas pada sebelah pagi dan petang.

Menyentuh mengenai penyusunan jadual, beliau menjelaskan bahawa ahli-ahli yang terlibat akan diberikan jadual secara bergilir-gilir di mana setiap hari persatuan itu akan menghantar 10 sukarelawan yang akan mewakili PEMODA.

"Penglibatan PEMODA sebagai sukarelawan sedikit sebanyak diharap akan dapat membantu pihak kerajaan terutama sekali Kementerian Kesihatan sekali gus membuka peluang untuk para ahli memberi sesuatu sumbangan kepada negara," ujarnya.

Pusat Operasi Sukarelawan JBS mengambil tempat di Dewan Imtiyaz, Pusat Bahagia, Kampung Pulaie.

Para sukarelawan mestilah berumur 18 tahun ke atas (Jika 18 tahun ke bawah, kebenaran lisans daripada ibu bapa adalah diperlukan) dan tidak mempunyai masalah kenderaan.

Selain itu, sukarelawan tidak akan disediakan eluan perjalanan dan tugas serta insurans akan diberikan malah bagi sukarelawan yang tidak mempunyai kenderaan, tempat tinggal akan disediakan.

Untuk maklumat dan sebarang pertanyaan lanjut, beliau menyarankan untuk terus menghubungi talian +673 2381903 sambungan 1300 atau hubungi Talian Hotline Bahagian Belia JBS, iaitu +673 8913762.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'HARGAI PENGORBANAN, SUMBANGAN BARISAN HADAPAN'

دربیتکن اوله جباتن قراغن، جباتن قردان منtri دان چیتیق اوله جباتن قرچیتمن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam